

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI SELASA : 10 DISEMBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 8 HINGGA NO. 49)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan langkah dan perancangan kementerian bagi memastikan tiada pengeksploitasian teknologi telekomunikasi bagi tujuan keganasan seperti yang berlaku di Lubnan apabila peranti "*pagers*" dan "*Walkie-Talkie*" diletupkan sehingga mengorbankan ramai warga awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Semua kelengkapan komunikasi termasuk *pager* dan *walkie-talkie* perlu diperakui sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000. Pemerakuan ini bertujuan untuk memastikan kelengkapan komunikasi mematuhi kod teknik atau standard yang dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) yang meliputi aspek keselamatan elektrik, keserasian elektromagnetik, kesalingbolehkendalian dan penggunaan frekuensi radio. Setiap kelengkapan yang diperakui perlu memaparkan tanda atau label pemerakuan yang diluluskan oleh MCMC atau agensi pemerakuan yang berdaftar. Sebarang perubahan terhadap kelengkapan komunikasi boleh menyebabkan terbatalnya sebarang pemerakuan yang telah dikeluarkan.

Selain itu, kelengkapan komunikasi turut tertakluk di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023 yang melarang pengimportan kelengkapan komunikasi ke dalam negara kecuali dengan suatu Sijil Pematuhan [*Certificate of Approval (COA)*] bagi memastikan pematuhan kepada kod teknik atau standard yang telah ditetapkan oleh MCMC.

Sehubungan itu, MCMC telah mendaftarkan SIRIM QAS International Sdn Bhd (SIRIM) sebagai agensi pemerakuan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti pemerakuan kelengkapan komunikasi di Malaysia. Pihak SIRIM juga telah dilantik oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sebagai agensi yang bertanggungjawab bagi pengeluaran COA untuk kelengkapan komunikasi di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023.

MCMC sentiasa memantau penjualan kelengkapan komunikasi di pasaran terbuka dan dalam talian melalui beberapa program pemantauan, iaitu:

- (i) Program Pemantauan Pasaran;

- (ii) Program Pengumpulan Maklumat Kelengkapan Komunikasi; dan
- (iii) Program Pemantauan Kelengkapan Komunikasi di Platform Dalam Talian.

Namun, perlu difahami bahawa pemerakuan yang dilaksanakan oleh MCMC lebih berfokus kepada aspek teknikal seperti keselamatan elektrik, penggunaan frekuensi radio dan kepatuhan kepada kod teknik dan standard yang berkaitan. Aspek keselamatan fizikal lain yang lebih meluas termasuk penyalahgunaan dan pengubahsuaian kelengkapan komunikasi untuk tujuan keganasan berada di luar skop kawalan MCMC dan melibatkan bidang kuasa agensi-agensi lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan karenah birokrasi dalam pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Sarawak bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan. Adakah Kementerian bercadang menyalurkan peruntukan secara terus kepada Jabatan BALB Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) adalah bertujuan untuk membantu mempercepat liputan dan merapatkan jurang bekalan air bersih dan terawat di kawasan luar bandar melalui penyambungan paip retikulasi dari paip utama ke rumah-rumah atau akaun baharu di kawasan luar bandar yang masih belum mendapat bekalan air bersih dan terawat.

Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Sarawak khususnya Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) dalam memastikan kelancaran pelaksanaan projek BALB di Sarawak agar projek dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengurangkan kerenah birokrasi, aspek perancangan, pra pelaksanaan dan pemantauan pelaksanaan projek dilaporkan dalam platform baharu melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Bersama (JTB) yang dipengerusikan oleh YAB Menteri KKDW dan Timbalan Premier Sarawak. Selain itu, prestasi pelaksanaan projek BALB juga turut dipantau melalui platform Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Perancangan dan Pemantauan Projek KKDW bersama Kerajaan Negeri Sarawak yang dipengerusikan bersama oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KKDW yang dijadualkan untuk dilaksanakan 2 kali setahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB) merupakan Pegawai Penguasa (SO) bagi projek-projek BALB di Sarawak. Mulai tahun 2024, JBALB telah dilantik sebagai Agensi Pelaksana bagi projek-projek BALB yang bernilai RM50 juta dan ke bawah bagi pelaksanaan 17 projek BALB.

Kementerian sememangnya menyalurkan peruntukan pembangunan secara terus kepada JBALB Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyaluran peruntukan pembangunan bagi tujuan

NO SOALAN : 9

pembayaran kepada Agensi Pelaksana, khususnya JBALB di Sarawak adalah berdasarkan unjuran kewangan projek dan pencapaian prestasi sebenar projek di lapangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR
[KETEREH]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapa bilangan terkini anggota veteran yang bersara sebelum 1 Januari 2013 dan berapa anggaran kewangan yang diperlukan untuk menyelesaikan pelarasan pencen mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bilangan terkini veteran ATM yang bersara sebelum 1 Januari 2013 adalah seramai 65,502 orang. Pada masa ini, Kementerian Pertahanan sedang berhadapan dengan tuntutan kes saman berkaitan pelarasan pencen di Mahkamah Tinggi oleh veteran ATM, dan terkini masih diperingkat Mahkamah Rayuan dan dijangka akan selesai pada awal tahun 2025.
2. Sehubungan dengan itu, adalah tidak wajar untuk memberi sebarang ulasan selagi mana proses mahkamah masih berlangsung. Kementerian juga tidak dapat memberikan ulasan mengenai implikasi kewangan yang tepat sehingga kes rayuan ini selesai.
3. Selanjutnya, Kerajaan akan akur dengan apa jua keputusan mahkamah dan percaya Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang akan dilaksanakan telah pun mengambil kira perkara ini. Di bawah SSPA, semua veteran berpencen layak mendapat pelarasan pencen mengikut kategori kumpulan masing-masing iaitu 15% bagi kumpulan Pengurusan dan Professional dan sokongan, manakala, Kumpulan Pengurusan Tertinggi sebanyak 7%.
4. Pembayaran Pelarasan pencen akan dilaksanakan dalam dua fasa iaitu pada Disember 2024 dan Januari 2026 mengikut kadar peratusan yang telah ditetapkan bagi setiap fasa tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN]

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan keunikan dan pembaharuan yang terkandung dalam Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) berbanding Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 dan apakah keperluan utama yang mendorong Kementerian untuk mempunyai sebuah lagi tekad baharu Bumiputera dalam masa yang agak singkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) yang dilancarkan pada 19 Ogos 2024 telah menzahirkan komitmen dan tekad berterusan Kerajaan dalam mengangkat darjat dan martabat Bumiputera agar sejajar dengan aspirasi Ekonomi MADANI bagi membolehkan rakyat Malaysia menikmati kehidupan lebih berkualiti. Keunikan dan pembaharuan yang terkandung dalam PuTERA35 turut mengambil kira dasar pembangunan negara dan agenda pembangunan Bumiputera terdahulu dan sedia ada bagi memastikan kesinambungan agenda pemerkasaan Bumiputera.

2. PuTERA35 yang bertemakan Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan Bumiputera yang lebih bermakna, memberi penekanan terhadap 3 teras utama, iaitu Memperkukuh Pasak Ekonomi Negara; Memperteguh Kerukunan Tatakelola dan Institusi; serta Menegakkan Keadilan Sosial. Teras ini disokong oleh 12 pemacu dan 132 ikhtiar dalam isu dan cabaran Bumiputera.

3. Terdapat pelbagai penambahbaikan yang telah diterapkan dalam PuTERA35 berbanding agenda pembangunan Bumiputera sebelum ini. Antaranya, penglibatan yang lebih bersepadu daripada syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) serta syarikat swasta sama ada Bumiputera atau bukan Bumiputera. Seterusnya, tumpuan khusus kepada segenap lapisan masyarakat Bumiputera termasuk Bumiputera Sabah dan Sarawak, Orang Asli serta pemberian limpahan manfaat kepada kumpulan minoriti bukan Bumiputera yang memerlukan. Selain itu, penetapan matlamat serta sasaran memartabatkan masyarakat Bumiputera dalam pelbagai aspek sosioekonomi juga diberikan perhatian dan tidak memberi tumpuan kepada pemilikan ekuiti semata-mata. PuTERA35 hanya dibangunkan bagi membuka ruang dan peluang kepada Bumiputera untuk memanfaatkan sektor serta industri yang diberi tumpuan oleh Kerajaan,

terutamanya industri *High Growth High Value* (HGHV) dan berasaskan teknologi termaju serta nilai ditambah yang tinggi.

4. Selain itu, terdapat juga penambahbaikan terhadap pelaksanaan dan pemantauan yang diperkenalkan di bawah PuTERA35 yang merangkumi pewujudan Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputera (UPAB) di setiap kementerian bagi melaksana dan memantau ikhtiar PuTERA35, pembangunan *Dashboard* PuTERA35 sebagai pemantauan pelaksanaan dan penilaian keberhasilan yang lebih sistematik sehingga tahun 2035. Pendekatan dalam pemantauan pelaksanaan PuTERA35 yang diambil adalah menggunakan kaedah dari atas ke bawah (*top down approach*) oleh Kementerian Ekonomi, serta dari bawah ke atas (*bottom up approach*) oleh UPAB.

5. Di peringkat tertinggi, Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pelaksanaan dan pemantauan PuTERA35. Majlis ini terdiri daripada Ahli Jemaah Menteri, termasuk Ahli Jemaah Menteri bukan Bumiputera, wakil kerajaan negeri Sabah dan Sarawak serta wakil GLC dan GLIC. MEB dibantu oleh 2 jawatankuasa utama iaitu Jawatankuasa PEMANDU MEB dan Jawatankuasa Kerja MEB.

6. Penyediaan dokumen PuTERA35 ini bukan dalam masa yang singkat memandangkan PuTERA35 dihasilkan dari resolusi yang dikemukakan melalui Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 yang diadakan pada awal tahun 2024 termasuk pelaksanaan pelbagai libat urus dengan pihak berkepentingan sepanjang tahun 2024.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM
[GUA MUSANG]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan Kementerian bagi menangani peningkatan kadar kemalangan maut di sepanjang jalan Gua Musang-Kuala Krai yang berpunca daripada masalah jalan berlubang dan bahu jalan yang sempit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, merujuk kepada Pertanyaan Ahli Yang Berhormat, Laluan FT8 Jalan Gua Musang – Kota Bharu (Gua Musang- Kuala Krai) adalah sepanjang 94.580 KM dan merupakan Jalan Persekutuan yang disenggara oleh syarikat konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 17.466 KM daripada keseluruhan jajaran laluan tersebut adalah disenggara oleh syarikat konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan manakala 77.114KM lagi telah diserahkan kepada Pasukan Projek Central Spine Road (CSR) LTU 3D (Berkuatkuasa Ogos 2019), LTU 3B & 3C (Berkuatkuasa Januari 2021), LTU 2C (Berkuatkuasa Mac 2022), LTU 2B (Berkuatkuasa Mac 2022), LTU 2A (Berkuatkuasa September 2023), LTU 1D (Berkuatkuasa Mei 2024).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Central Spine Road (CSR)* atau kini dikenali sebagai Lingkaran Tengah Utama (LTU) di jajaran Gua Musang – Kuala Krai mengandungi tiga (3) pakej utama iaitu Pakej 1: Kuala Krai ke Jambatan Sg. Lakit, Pakej 2: Jambatan Sg. Lakit ke Gua Musang dan Pakej 3: Gua Musang ke Kg. Relong. Jumlah projek yang sedang berjalan bawah ketiga-tiga pakej utama ini adalah sebanyak satu (1) projek dalam perolehan dan sembilan (9) projek atau kontrak yang sedang aktif dalam pembinaan yang dijangka siap keseluruhan pada tahun 2027.

Projek LTU ini merupakan jalan raya tanpa tol yang menghubungkan Kuala Krai Kelantan sehingga ke Persimpangan Lebuhraya Pantai Timur di Bentong, Pahang. Skop utama pembinaan LTU merangkumi membina jalan baharu dan menaik taraf sedia ada Laluan Persekutuan 8 (FT08). Masalah jalan berlubang dan bahu jalan yang sempit merupakan antara faktor-faktor Laluan Persekutuan 8 ini di naik taraf ke LTU atau Laluan Persekutuan 34 (FT34) bagi meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.

Bagi projek LTU Pakej 2, Pakej 3, dan sebahagian Pakej 1 skop pembinaan jalan LTU ini adalah menaik taraf jalan sedia ada, peruntukan yang besar telah diperuntukkan untuk kerja penyelenggaraan dan Pelan Pengurusan Trafik atau *Traffic Management Plan (TMP)*. Antara skop utama dalam kerja penyelenggaraan ini adalah penyelenggaraan permukaan pavemen (termasuk menampal jalan berlubang), bahu jalan, pemotongan rumput, kerja mengecat, serta pembersihan perabot jalan, longkang, dan jambatan. Skop penyelenggaraan ini adalah secara bulanan sepanjang tempoh pembinaan termasuk dalam tempoh baiki kecacatan. JKR dan kontraktor komited terhadap kerja penyelenggaraan ini bagi memastikan keselamatan dan kelancaran trafik sepanjang projek dijalankan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pelbagai usaha sedang dilaksanakan oleh Kementerian ini melalui Jabatan Kerja Raya bagi meningkatkan aspek kualiti jalan terutamanya jalan berlubang dan bahu jalan yang sempit. Di antara usaha yang dilaksanakan adalah melalui Program Aku Janji '*Zero Pothole*' di peringkat Kebangsaan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya dan Syarikat Konsesi Jalan Persekutuan seluruh Malaysia sebagai inisiatif kepada langkah proaktif kerajaan untuk menangani masalah jalan berlubang atau '*Pothole*' di Jalan Persekutuan. Program sifar *pothole* ini memberi penekanan kepada prosedur tindakan kerja-kerja penampalan jalan berlubang dengan pelaksanaan tindakan dalam tempoh 24 jam (secara sementara) daripada penemuan ataupun aduan kerosakan diterima. Manakala bagi pembaikan kekal, tempoh 3 hari diberikan kepada pihak konsesi selari dengan Piagam Pelanggan Jabatan Kerja Raya dan Kontrak Penyelenggaraan Jalan Persekutuan

Selain itu, bagi membaikpulih jalan-jalan dalam status kritikal, Kementerian Kerja Raya menyediakan program penyelenggaraan turapan berdasarkan notis kerosakan (*Notice of Defects / NOD*) yang disediakan oleh syarikat konsesi penyelenggaraan jalan persekutuan. Melalui NOD ini, Kementerian Kerja Raya akan menyenaraikan program penyelenggaraan turapan ini mengikut keutamaan dan keperluan mendesak untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bagi kelulusan peruntukan.

Pada tahun 2022 sehingga 2024, Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM3.675 Juta di bawah Program Penyenggaraan Berkala Pavemen dan Berkala Bukan Pavemen yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi melalui Arahan Kerja (AK). Kerja-kerja penyenggaraan tersebut melibatkan 4 bilangan kerja berkala pavemen, 2 bilangan kerja berkala bukan pavemen dan semua kerja telah disiapkan sepenuhnya.

Berdasarkan Anggaran Penyenggaraan Jalan (APJ) Tahun 2024, Kementerian ini telah mengenal pasti 5 bilangan kerja berkala bukan pavemen yang bernilai RM 962 Ribu bagi laluan tersebut namun kelulusan tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Di samping itu, bagi pelaksanaan kerja tahun 2025, jalan-jalan yang rosak akan dikenal pasti oleh pihak syarikat Konsesi Penyenggaraan Jalan Persekutuan yang dilantik dan pihak JKR akan menyediakan Anggaran Penyenggaraan Jalan (APJ) bagi Tahun 2025 berdasarkan kerosakan jalan. Walau bagaimanapun, kelulusan kerja tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan serta senarai keutamaan kerja yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya berdasarkan penilaian tahap kritikal kerosakan jalan bagi keseluruhan jaringan Jalan Persekutuan di bawah seliaan Kementerian ini.

Pihak Kementerian melalui JKR juga sentiasa komited dan berusaha untuk memperbaiki serta menyenggara setiap kerosakan jalan yang telah dikenal pasti. Setiap aduan diambil tindakan yang sewajarnya untuk diselesaikan dengan kadar segera tanpa mengira status pengadu dan turut mengamalkan "*No Wrong Door Policy*" demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat. Orang awam disarankan mengemukakan aduan di saluran aduan rasmi SISPAJ JKR dan kini boleh diajukan melalui aplikasi MyJalan KKR.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan jalan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa dengan menjalankan kerja-kerja penyenggaraan rutin sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH]

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan penambahbaikan ke atas Akta 4 dan Akta 800 yang sedang dilaksanakan oleh KESUMA sebagai usaha memperluas liputan perlindungan keselamatan sosial Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) sentiasa berusaha menambah baik Akta-akta yang ditadbir oleh PERKESO bagi memperkasakan lagi jaringan perlindungan sosial secara menyeluruh kepada golongan pekerja di negara ini.

Terbaharu, pindaan kepada siling gaji maksimum daripada RM5,000 kepada RM6,000 di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] telah mula berkuatkuasa pada 1 Oktober 2024.

Pada masa ini, KESUMA menerusi PERKESO sedang mengkaji cadangan penambahbaikan kepada kawal selia, penyampaian perkhidmatan, pemprosesan dan pengoperasian di bawah Akta 4. Selain itu, Pelaksanaan Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) juga sedang diperhalusi di bawah Akta 4 ini.

Di samping itu, Pembaharuan kepada Akta 800 pula antara lain meliputi penambahbaikan faedah sedia ada dan pengenalan faedah baharu bagi mendepani cabaran pasaran buruh yang semakin dinamik.

KESUMA akan melaksanakan penambahbaikan berterusan kepada kerangka perundangan keselamatan sosial di negara ini bagi memastikan tiada pekerja yang tercicir daripada mendapat perlindungan apabila tiba masanya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN
BIN ABDUL KHALID [KUALA
KANGSAR]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan justifikasi cadangan meluaskan bahagian swasta di hospital Kerajaan atau perkhidmatan pesakit bayar penuh (PPBP) dan sejauh manakah Kementerian melihat PPBP ini sebagai beban tambahan kepada doktor dan menjejaskan penjagaan pesakit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (PPBP) atau *Full Paying Patient (FPP)* telah mula diperkenalkan di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia semenjak tahun 2007. Setakat ini, perkhidmatan FPP disediakan di 10 buah hospital KKM seperti berikut:

Hospital Rintis - Hospital Putrajaya dan Hospital Selayang

Hospital Fasa 1

- (a) Hospital Pulau Pinang;
- (b) Hospital Ampang;
- (c) Hospital Serdang;
- (d) Hospital Sungai Buloh;
- (e) Hospital Sultanah Aminah;
- (f) Hospital Sultan Ismail;
- (g) Hospital Umum Sarawak; dan
- (h) Hospital Queen Elizabeth II.

2. Antara objektif utama pelaksanaan FPP adalah seperti berikut:

- (a) mengurangkan penghijrahan Pakar Perubatan ke hospital swasta, dengan menyediakan platform untuk Pakar Perubatan menjana pendapatan tambahan yang kompetitif;
- (b) mengurangkan beban Kerajaan dalam menanggung subsidi perkhidmatan kesihatan kepada rakyat yang berkemampuan; dan
- (c) memberi peluang kepada rakyat untuk dirawat Pakar Perubatan pilihan.

3. Perkhidmatan FPP juga dilaksanakan dengan beberapa syarat bagi memastikan perkhidmatan ini tidak menjadi beban tambahan kepada doktor atau menjejaskan penjagaan pesakit sedia ada di Kementerian

Kesihatan, antaranya:

- (a) penglibatan Pakar Perubatan dalam FPP tidak boleh menjejaskan perkhidmatan kepada pesakit awam yang lain;
- (b) Pakar Perubatan hanya dibenarkan merawat pesakit luar FPP tidak melebihi 30% dari jumlah keseluruhan kedatangan pesakit luar bagi setiap sesi klinik rasmi; dan
- (c) FPP hanya dilakukan setelah selesai merawat pesakit awam.

4. Berdasarkan kajian oleh Institut Pengurusan Kesihatan, Kementerian Kesihatan pada tahun 2018, didapati secara umumnya pesakit PPBP didapati berpuas hati dengan perkhidmatan FPP.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Selain FPP, KKM telah memperkenalkan Rakan KKM untuk menawarkan perkhidmatan nilai tambah kepada pesakit yang mampu membayar, tanpa menjejaskan akses kepada golongan kurang berkemampuan. Inisiatif ini bukanlah cadangan untuk meluaskan bahagian swasta di hospital Kerajaan.

6. Rakan KKM adalah satu inisiatif baru yang menggabungkan kerjasama antara pesakit, pasukan penjagaan kesihatan dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), serta dimudah cara oleh Kementerian Kewangan melalui inisiatif GEAR-uP (*whole-of-government approach*). Rakan KKM bertujuan untuk:

- (a) meningkatkan jumlah petugas penjagaan kesihatan yang kekal dalam sistem penjagaan kesihatan awam (menangani brain drain) dengan membuka peluang peningkatan pendapatan;
- (b) Meningkatkan pelaburan dalam sistem penjagaan kesihatan awam, yang akan memberi manfaat kepada semua pesakit terutamanya golongan B40;

NO SOALAN : 14

- (c) Menyediakan lebih banyak pilihan penjagaan kesihatan berasaskan nilai untuk membantu menangani kos yang semakin meningkat, terutamanya untuk golongan M40.

7. Hasil daripada Rakan KKM akan disalurkan semula kepada hospital dan klinik KKM melalui subsidi silang dan dilaburkan dalam perkhidmatan berkongsi yang akan memberi manfaat kepada semua pesakit, termasuk mereka yang tidak menyertai program Rakan KKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah Kerajaan akan meneruskan perancangan untuk menyasarkan semula subsidi petrol, sekiranya ya, bila dan apakah mekanisme yang akan diguna pakai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober 2024 telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan melaksanakan subsidi RON95 pada pertengahan tahun 2025. Kerajaan juga komited dalam memastikan pelaksanaan penyasaran subsidi RON95 akan meliputi 85 peratus rakyat yang layak.
2. Penentuan penerima subsidi RON95 akan berdasarkan konsep pendapatan boleh guna bersih. Penggunaan konsep ini menandakan peralihan daripada penggunaan pendapatan kasar kepada pendapatan boleh guna bersih. Ini bagi memastikan pengukuran dan penyasaran yang lebih tepat dan adil dalam pemberian subsidi dan bantuan sosial. Maklumat pendapatan boleh guna bersih isi rumah akan diperolehi melalui PADU dengan menggunakan pendekatan perbelanjaan asas kehidupan wajar (PAKW).
3. PAKW merujuk kepada amaun perbelanjaan yang diperlukan oleh isi rumah untuk menjalani kehidupan wajar yang dapat memenuhi keperluan dan kehendak serta berpeluang menyertai aktiviti sosial dalam masyarakat. PAKW dapat memberi gambaran yang lebih jelas mengenai kemampuan isi rumah dalam menjalani kehidupan wajar.
4. Di samping itu, PAKW juga boleh memperjelas mengenai kos sara hidup di kawasan yang berbeza antara negeri, sama ada di bandar atau luar bandar, menjadi indikator dalam perancangan dan pembangunan sosioekonomi, dalam penentuan gaji yang lebih adil serta membantu individu dan keluarga merancang perbelanjaan dan pengurusan kewangan isi rumah. Penggunaan PAKW juga boleh membantu dalam mengurangkan ralat keciciran dalam pengagihan bantuan (*inclusion and exclusion error*) dengan memastikan golongan yang benar-benar layak sahaja menerima bantuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :

(a) langkah untuk memastikan jadual berkala penyelenggaraan bagi Jalan Pelabuhan Utara (Federal Route 103), New North Klang Straits Bypass (Route 20) dan Persiaran Raja Musa (Route 2) dipatuhi ; dan

(b) pelan tindakan untuk memastikan sistem saliran di tepi semua jalan tersebut berfungsi dengan baik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyenggaraan Jalan Persekutuan merangkumi dua (2) skop penyenggaraan iaitu penyenggaraan rutin dan penyenggaraan berkala. Bagi penyenggaraan rutin, ianya merangkumi kerja-kerja penyenggaraan seperti berikut:

1. R01 – Penampalan lubang
2. R02 – Penyenggaraan bahu jalan
3. R03 – Pemetongan rumput
4. R04 – Penyenggaraan perabot jalan
5. R05 – Penyenggaraan jambatan & pembetung
6. R07 – Penyenggaraan longkang

Penyenggaraan rutin ini dilaksana berdasarkan pusingan kerja yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Penswastaaan Penyenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia oleh syarikat konsesi yang dilantik.

Oleh itu, bagi memastikan pelaksanaan skop penyenggaraan rutin ini mematuhi Perjanjian Perswastaaan tersebut, Kementerian ini melalui JKR sentiasa membuat pemantauan berkala melalui program Audit Rutin di Jalan Persekutuan bagi memastikan kerja-kerja penyenggaraan rutin dilaksanakan berdasarkan skop Perjanjian Penswastaaan dan mengikut jadual pelaksanaan yang disediakan konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan.

Selain itu, pemakluman dan peringatan bersurat kepada pihak konsesi penyenggaraan jalan juga telah dikemukakan supaya sentiasa mengutamakan dan melaksanakan kerja penyenggaraan jalan dan memastikan jalan sentiasa berada dalam keadaan selamat dan selesa.

Manakala bagi bagi kerja penyenggaraan berkala pula, ia terbahagi kepada dua (2) iaitu penyenggaraan berkala pavemen dan penyenggaraan berkala bukan pavemen. Kerja – kerja penyenggaraan berkala ini akan dijalankan berdasarkan kepada kelulusan peruntukan dari semasa ke semasa.

(b) Untuk makluman Yang Amat Berhormat, pelan tindakan bagi memastikan sistem saluran berfungsi dgn baik adalah dengan menyelia kerja-kerja pembersihan mengikut jadual yang telah disahkan.

Bagi penyenggaraan jalan raya Persekutuan dalam memastikan sistem saluran di tepi semua jalan berfungsi dengan baik, pihak syarikat konsesi yang dilantik bertanggungjawab melaksanakan kerja penyenggaraan rutin iaitu skop kerja penyenggaraan pavemen, penyenggaraan bahu jalan, potong rumput, perabot jalan, mencuci jambatan dan pembedung, mencuci longkang serta pemeriksaan rutin.

Berdasarkan Perjanjian Penswastaan, pusingan kerja rutin bagi skop penyenggaraan longkang adalah seperti berikut:

1. Jalan Protokol : 4 pusingan/tahun
2. Jalan Utama : 3 pusingan/tahun
3. Jalan Sekunder : 2 pusingan/tahun

Syarikat konsesi juga bertanggungjawab melaksanakan kerja penyenggaraan berkala pavemen dan bukan pavemen yang dilaksanakan secara Arahan Kerja (AK) berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Pihak syarikat turut dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kerja kecemasan dengan membuat tindakan segera jika berlaku kejadian yang di luar jangka.

Selain itu, pihak JKR sentiasa bekerjasama dengan Jabatan-Jabatan lain yang berkaitan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan sistem saluran sentiasa disenggara dan dapat berfungsi dengan baik. Oleh itu, masalah longkang tersumbat dan seterusnya menyebabkan banjir dapat di atasi.

Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan jalan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa dengan menjalankan kerja-kerja penyenggaraan rutin sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kadar terkini krisis kesihatan penyakit tidak berjangkit (NCD) di Malaysia dan apakah pandangan Kementerian mengenai cadangan pengenalan cukai ke atas makanan tidak sihat sebagai langkah membendung obesiti di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengenaan cukai terhadap makanan dan minuman yang tidak sihat merupakan salah satu pendekatan fiskal yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk membentuk persekitaran yang menggalakkan amalan pemakanan sihat. Walau bagaimanapun, pada masa ini, pihak KKM sedang memfokuskan kepada pengenaan cukai kepada minuman tidak sihat, memandangkan kajian yang dijalankan menunjukkan pengambilan gula rakyat Malaysia terutamanya daripada minuman yang manis adalah tinggi.

2. Pendekatan fiskal ini telah dilaksanakan di Malaysia bermula pada 1 Julai 2019 melalui pengenaan duti eksais terhadap tiga (3) kategori minuman manis bergula (*Sugar Sweetened Beverages*, SSBs) iaitu minuman berkarbonat dan tidak berkarbonat, minuman berasaskan susu, jus buah dan sayur yang mengandungi jumlah kandungan gula melebihi nilai ambang (*threshold*) yang telah ditetapkan pada kadar RM0.40/liter. Kadar cukai ini telah dinaikkan sebanyak 10 sen pada 1 Januari 2024 dan dalam pembentangan bajet 2025, kerajaan bersetuju untuk naikkan sebanyak 40 sen menjadikannya RM0.90/liter bermula 1 Januari 2025. Cukai ini juga diperluaskan kepada minuman pra-campuran (*premix*) seperti kopi, teh dan minuman bercoklat 3 dalam 1 atau 2 dalam 1 bermula 1 Mac 2024 pada kadar cukai RM0.47/100g.

3. Pada masa yang sama, usaha secara kolektif terus dilaksanakan bagi menggalakkan lagi pengambilan makanan sihat dalam kalangan masyarakat menerusi pelbagai platform/program. Antaranya ialah program *Healthier Choice Logo* (HCL) yang menggalakkan industri makanan dan minuman menyediakan lebih banyak makanan sihat dan aktiviti jerayawara yang berterusan bagi mendidik pengguna untuk membuat pilihan bijak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan pelan tindakan Kementerian dalam mendepani Malaysia menuju negara menua menjelang 2030 dan negara tua menjelang 2044.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia kini menghadapi fenomena penuaan masyarakat disebabkan peralihan demografi yang ketara. Pada tahun 2021, Malaysia telah dikategorikan sebagai negara menua (*ageing nation*) apabila 7.0% penduduk berumur 65 tahun dan ke atas. Peratusan populasi ini dijangka akan menjadi dua kali ganda dalam tempoh 21 tahun akan datang. Peralihan ini akan menyebabkan Malaysia menjadi negara tua (*aged nation*) pada tahun 2043.

2. Perubahan demografi ini boleh dikaitkan dengan **dua faktor utama**, iaitu:

2.1 Penurunan kadar kesuburan keseluruhan (*TFR*) Malaysia di bawah paras penggantian 2.1 anak kepada 1.6 anak pada tahun 2022; dan

2.2 Rakyat Malaysia kini menikmati jangka hayat yang lebih panjang kesan daripada peningkatan tahap penjagaan kesihatan di negara ini. Jangka hayat semasa lahir rakyat Malaysia meningkat daripada 71.2 tahun pada tahun 1991 kepada 74.8 tahun pada tahun 2023.

3. Semua pihak perlu bersedia bagi menangani cabaran negara tua. Strategi dan tindakan yang bersepadu dan holistik perlu digembleng dalam pelbagai aspek merangkumi ketersediaan fiskal guna tenaga dan produktiviti, penjagaan kesihatan, pendidikan, kewangan, pembangunan ekonomi penjagaan dan perlindungan sosial.

4. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah melaksanakan kajian untuk membangunkan Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan (*National Ageing Blueprint*) bagi membantu Malaysia menghadapi isu dan cabaran negara menua secara holistik. Rangka tindakan ini merangkumi perancangan dasar, rangka kerja dan pelan tindakan berkaitan

makroekonomi dan fiskal; pekerjaan, kemahiran dan pendidikan; perlindungan sosial; kesihatan sepanjang hayat dan penjagaan jangka panjang. Hasil kajian dan draf Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan akan dibentangkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada awal tahun 2025.

5. Kerajaan optimis persediaan yang dilaksanakan ketika ini dapat membantu negara menangani dan mendepani cabaran penuaan masyarakat dengan lebih berkesan. Sehubungan itu, Kerajaan menyeru semua pihak, termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat agar dapat menggembeleng tenaga bersama serta memanfaatkan peluang penuaan masyarakat ini ke arah pembangunan ekonomi yang lebih mampan demi kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI
[BETONG]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kursus-kursus dalam bidang TVET yang telah diperkenalkan oleh Kementerian. Nyatakan statistik dari segi bilangan kursus, jumlah penyertaan dan juga rancangan pelaksanaan pada masa hadapan dalam memastikan ia tidak bertindih dengan program-program TVET yang ditawarkan oleh institusi lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan melalui Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan menyediakan peluang latihan kemahiran dengan pelbagai pendekatan kepada belia dalam melahirkan modal insan (tenaga mahir dan separa mahir) bagi memenuhi keperluan tenaga kerja negara. Kementerian ini menawarkan 14 bidang utama TVET iaitu Teknologi Sukan, Teknologi Automotif, Teknologi Mekanikal, Teknologi Awam, Teknologi Elektrik, Teknologi Elektronik, Teknologi Maklumat, Teknologi Fotografi, Teknologi Fesyen dan Pakaian, Teknologi Hospitaliti, Teknologi Pemprosesan Makanan, Teknologi Kosmetologi, Teknologi Marin dan Teknologi Minyak dan Gas.

Pada tahun 2024 melalui 22 ILKBS sebanyak 76 kursus ditawarkan dengan jumlah kemasukan pelajar baharu seramai 5,099 orang. Jumlah keseluruhan pelajar termasuk pelajar sedia ada ialah seramai 10,224 orang.

Bagi mengurangkan kesan pertindihan ini, penyelarasan tawaran kemasukan pelajar baharu di antara kementerian dan institusi lain telah dilaksanakan bagi semua kursus/program TVET kementerian. Hal ini telah diuruskan melalui Sistem UPTVET yang dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia.

NO SOALAN : 19

Kementerian Belia dan Sukan turut mengambil inisiatif untuk memperluaskan penawaran bidang latihan kemahiran bagi mengurangkan pertindanan penawaran dalam bidang yang sama, di samping memenuhi keperluan industri masa kini termasuk sektor sukan. Cadangan penambahan penawaran kursus-kursus kemahiran berkaitan industri sektor sukan seperti permotoran sukan, pembinaan dan penyelenggaraan fasiliti sukan, serta fotografi sukan dirancang untuk dilaksana bermula tahun 2025, Di samping meneruskan kursus-kursus sedia ada seperti terapi sukan dan perkhidmatan kedi golf.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR
[TEMERLOH]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

**PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [TEMERLOH] minta
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan:**

- (a) senarai *hotspot* banjir kilat dalam rekod Kementerian di sekitar kawasan Parlimen Temerloh serta punca-puncanya; dan
- (b) adakah kementerian bersedia menyalurkan peruntukan tambahan yang secukupnya kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan untuk menangani isu banjir kilat yang dinyatakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah **mengenal pasti tujuh (7) lokasi hotspot banjir kilat di sekitar kawasan Parlimen Temerloh sehingga September 2024** seperti berikut:

- i. Kg Paya Dalam;
- ii. Kg Batu 1 (kawasan Taman Muhibbah);
- iii. Taman Bahagia (Jalan Bahagia 34);
- iv. Taman Mentakab Indah;
- v. Taman Pulau Indah;
- vi. Taman Sri Kerinau; dan
- vii. Taman Pamah Kasih.

Berdasarkan maklum balas Majlis Perbandaran Temerloh (MP Temerloh), kejadian banjir kilat yang sering berlaku di kawasan Parlimen Temerloh didapati berpunca daripada kedudukan kawasan berkenaan yang merupakan **kawasan rendah dan berpaya**, lalu menyebabkan air bertakung bagi tempoh yang lama. Selain itu, **sistem perparitan** di sesetengah kawasan yang **tidak mempunyai outlet untuk aliran keluar air** turut boleh menyebabkan banjir kilat. Disebabkan status **pemilikan tanah di kawasan tersebut adalah milik persendirian terutama di kawasan kampung, aliran tidak dapat dibina secara menyeluruh**. Kementerian juga mendapati **pembangunan secara pocket development masih berlaku** di kawasan-kawasan tersebut yang menyebabkan sistem perparitan atau jajaran parit tidak bersambungan secara konsisten.

Dalam menangani hal ini, Kementerian melalui JKT telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM2.15 juta kepada MP Temerloh bagi menyiapkan 30 projek** pada tahun **2023** dan **RM500,000 bagi pelaksanaan satu (1) projek** pada tahun **2024** yang kesemuanya adalah untuk mengatasi masalah banjir kilat melibatkan **kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan dan kolam takungan** di kawasan pentadbiran MP

Temerloh.

Sebagaimana pengumuman oleh YAB Perdana Menteri untuk **Belanjawan Tahun 2025, sebanyak RM200 juta akan diperuntukkan bagi kerja-kerja pembersihan dan menaik taraf longkang, parit dan sungai di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**. Sehubungan itu, **PBT boleh mengemukakan permohonan yang diperlukan kepada KPKT untuk pertimbangan sewajarnya**. Keutamaan pertimbangan dan pengagihan peruntukan adalah tertakluk kepada kawasan yang telah dikenal pasti sebagai *hotspot* banjir, cadangan skop kerja dan tempoh masa pelaksanaan projek yang relevan dan realistik, serta PBT mempunyai rekod kemajuan dan prestasi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan parit dan longkang yang menyakinkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bila pelaksanaan Multi Lane Fast Flow (MLFF) akan dibuat dan apakah halangan utama bagi pelaksanaan sistem berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan MLFF adalah salah satu inisiatif Kementerian untuk menambah baik sistem kutipan tol dan seterusnya akan melancarkan transaksi pembayaran tol di mana pengguna tidak lagi perlu memberhentikan atau memperlahankan kenderaan bagi membuat bayaran tol sekaligus meningkatkan kelancaran perjalanan pengguna di lebuhraya.

Bagi status pelaksanaan MLFF, pada masa ini pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) masih menjalankan rundingan dengan pihak syarikat pencadangan sebagai mana kelulusan prinsip yang telah diberikan oleh Jemaah Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, halangan utama yang dihadapi dalam pelaksanaan MLFF ini adalah bagi memuktamadkan struktur tadbir urus pelaksanaan kerana ianya melibatkan banyak pihak terutama dalam mendapatkan persetujuan daripada setiap syarikat konsesi lebuhraya. Antara lain cabaran yang dihadapi adalah dalam merangka rang undang-undang pelaksanaan MLFF di mana cadangan pindaan atau mewujudkan akta baru bagi menangani isu pencerobohan dan kesalahan tol perlu diteliti dengan mengambilkira akta-akta sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]
TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah proaktif KKM dalam menangani isu kecenderungan bunuh diri yang semakin meningkat dalam kalangan remaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KKM amat komited dalam usaha untuk menurunkan kadar kes bunuh diri di Malaysia dan semestinya ini memerlukan kerjasama bersepadu dari semua pihak bagi mencegah tingkah laku bunuh diri. Antara langkah proaktif KKM dalam menangani isu kecenderungan bunuh diri yang semakin meningkat dalam kalangan remaja ialah ;

1. **Pembangunan Program MySAVE (*Malaysia Suicide Voice of Hope*)** merupakan usaha pengukuhan pencegahan tingkah laku bunuh diri dengan memberikan pendedahan serta meningkatkan akses kepada bantuan dan intervensi awal krisis, rawatan, sokongan psikososial serta perkhidmatan post-vention iaitu tindak susul pasca cubaan bunuh diri dan kematian akibat bunuh diri. Antara inisiatif di bawah Program MySAVE adalah ;
 - (a) **Pewujudan Talian Bantuan Krisis Kesihatan Mental Kebangsaan Talian HEAL 15555** bagi meningkatkan akses mendapatkan perkhidmatan sokongan emosi dan psikososial menerusi tele-kaunseling. Sejak pengoperasian Talian HEAL 15555 pada 21 Oktober 2022 sehingga kini, sebanyak 67,410 panggilan telah diterima. Daripada jumlah ini, sebanyak 351 kes tingkah laku bunuh diri yang terdiri daripada 213 kes idea bunuh diri telah diberi intervensi khusus manakala 138 kes cubaan bunuh diri telah berjaya diselamatkan dan dibawa ke hospital bagi mendapatkan rawatan.
 - (b) Daripada jumlah panggilan 67,410 klien yang menghubungi Talian HEAL 15555, **dianggarkan** lebih 20, 000 (20 ribu) (30%) pemanggil adalah terdiri daripada mereka yang berumur 18 hingga 30 tahun.
 - (c) **Libat urus bersama pengamal media** diadakan bagi penulisan dan pelaporan media yang selamat dan bertanggungjawab tentang tingkah laku bunuh diri.
 - (d) **Latihan berkala diberikan kepada petugas barisan hadapan** yang terdiri daripada pihak Polis, Bomba, Angkatan Pertahanan

Awam, dan Maritim Malaysia untuk pengendalian kes tingkah laku bunuh diri.

- 2. Pembangunan Pelan Tindakan Kesihatan Mental Kanak-Kanak dan Remaja (2024-2030)** yang memfokuskan kepada aspek promosi, pencegahan dan penjagaan kesihatan mental golongan kanak-kanak dan remaja secara menyeluruh melalui aktiviti pendidikan, pemerksaan peranan ibu bapa, rakan sebaya dan ketua komuniti setempat serta peluasan perkhidmatan kesihatan mental menasarkkan kepada kanak-kanak dan remaja.
- 3. Jalinan kerjasama bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi Program Minda Sihat** bagi memastikan kesihatan dan kesejahteraan mental golongan kanak-kanak dan remaja. Program ini bertujuan memperkasa dari aspek psikososial dan kesejahteraan emosi serta menerapkan elemen kemahiran daya tindak (*coping skills*) dan resilien dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Bagi pelajar-pelajar yang disaring dan dikenal pasti yang memerlukan intervensi, mereka akan dirujuk untuk penilaian dan rawatan lanjut. Antara program di bawah Program Minda Sihat adalah;
 - (a) Pelaksanaan Projek Rintis melalui Sistem Rujukan ke Klinik Kesihatan** Kerjasama antara KKM dan KPM bagi pengukuhan sistem rujukan dari sekolah ke fasiliti kesihatan bagi kes-kes masalah kesihatan mental, tingkah laku bunuh diri dan penderaan termasuk penderaan fizikal, seksual dan psikologi.
 - (b) Program PEARL (Program Expresi Anak Remaja Lestari)** – yang merupakan kolaborasi antara KKM dengan KPM bertujuan untuk meningkatkan kemahiran daya tindak (*coping skills*) dan resilien dalam kalangan pelajar bagi menangani masalah seperti buli atau tingkah laku berisiko.
 - (c) Libat libat urus oleh pakar-pakar kesihatan mental** juga turut dijalankan bersama kaunselor pendidikan bagi memastikan mereka terdedah kepada latihan untuk menangani masalah kesihatan mental serta tingkah laku bunuh diri dalam kalangan pelajar-pelajar di sekolah.
- 4. Kolaborasi dengan Kementerian Pendidikan Tinggi di dalam pelaksanaan Program Siswa Sihat (PROSIS)** di universiti-universiti

awam dan swasta yang turut mempunyai elemen saringan dan intervensi kesihatan mental.

5. **Penyediaan perkhidmatan kesihatan mental** yang boleh diakses di 1,088 Klinik Kesihatan, 68 hospital termasuk empat (4) institusi kesihatan mental dan 37 buah Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI) yang meliputi aspek promosi, pencegahan, pengesanan awal dan rehabilitasi.

6. **Implementasi Kempen “Let’s TALK Minda Sihat” dan “Kesihatan Mental Milik Semua, Hentikan Stigma” merentas agensi.** Kempen ini merupakan kolaborasi pintar (*smart partnership*) bersama agensi-agensi kerajaan, bukan kerajaan dan NGO dalam usaha mempertingkatkan kesedaran kesihatan mental secara meluas bagi mengatasi stigma terhadap kesihatan mental dalam kalangan masyarakat yang bertujuan untuk meningkatkan tahap literasi kesihatan mental masyarakat, menoktahkan stigma dan memperkasakan sokongan dari aspek psikososial dalam komuniti serta mempromosikan kesihatan mental sejagat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG
[KOTA MELAKA]
TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian setakat ini untuk menjaga **kebajikan para atlet** memandangkan salah satu fokus utama Menteri adalah kebajikan atlet.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi memastikan kebajikan atlet-atlet terjaga, Kerajaan telah memanjangkan jaringan perlindungan sosial kepada atlet melalui Skim Insurans Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi atlet-atlet di bawah Program Podium dan Pelapis Kebangsaan Majlis Sukan Negara (MSN). Skim ini turut menyediakan pencen ilat sekiranya berlaku kecederaan yang memudaratkan secara kekal, serius atau yang tidak mungkin sembuh.

MSN juga telah memperkenalkan Skim Kontrak Penggajian Atlet (SKPA) yang menggantikan kontrak latihan atlet sedia ada pada tahun 2024. Skim ini memberikan penumpuan kepada kebajikan atlet di bawah Program Podium terutamanya penyediaan caruman bulanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang akan memberi jaminan masa depan atlet-atlet negara.

MSN telahpun mewujudkan *Malaysian Athlete Career and Education* (MACE) pada tahun 2016 yang bertanggungjawab untuk menjaga pendidikan, kerjaya dan juga kebajikan atlet. MACE telah meningkatkan usaha untuk menyediakan laluan pendidikan yang lebih luas dan fleksibel dengan mengambil inisiatif-inisiatif seperti mengadakan kerjasama dengan Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/IPTS) dan Institusi Kemahiran yang menawarkan kemudahan-kemudahan seperti pengubahsuaian program (*customized program*) dan tawaran biasiswa. Sehingga tahun 2024, seramai 180 orang atlet di bawah program MSN telah menerima tawaran kemasukan ke universiti.

MSN juga menyediakan Skim Kebajikan Atlet Kebangsaan (SKAK) bagi atlet-atlet di bawah program MSN sejak tahun 1998. SKAK ini diwujudkan bertujuan untuk menjaga kebajikan atlet-atlet MSN termasuk bantuan perlindungan kemalangan diri melibatkan kematian, kecederaan dan kehilangan upaya semasa program latihan mahupun mengambil bahagian dalam acara sukan.

Menerusi skim ini, Skim Perlindungan Kemalangan Diri Berkelompok disediakan dan ini meliputi perlindungan seperti bayaran bil

hospital, hilang upaya kekal, hilang upaya sementara, perbelanjaan perubatan dan lain-lain.

Selain itu, Bantuan Khairat Kematian bagi atlet-atlet MSN di bawah program latihan sepenuh masa dan punca kematian adalah disebabkan penyakit biasa. Bantuan yang diberikan adalah sebanyak RM120,000.00 secara one-off kepada waris terdekat mangsa iaitu ibu, bapa, suami, isteri atau anak.

Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB) turut memainkan peranan penting dalam melindungi dan menjaga kebajikan bekas atlet termasuk bekas atlet kelainan upaya (para) melalui pelbagai program yang komprehensif.

Setakat bulan September 2024, YAKEB telah memberikan bantuan kepada 1,514 orang bekas atlet berjumlah RM781,087.86 dari peruntukan kerajaan sebanyak RM1 juta yang disalurkan melalui KBS.

Selain dana kerajaan, YAKEB turut menjalin kerjasama dengan pelbagai agensi dan pihak swasta bagi memperluas bantuan kepada bekas atlet. Sebagai contoh, YAKEB bekerjasama dengan PERKESO untuk membantu ahli dalam aspek rehabilitasi dan pencen ilat. Contoh yang relevan termasuk bekas atlet skuasy, Kenneth Low dan bekas atlet sepak takraw Suhaimi Yusof, yang telah menerima rawatan rehabilitasi di Pusat Rehabilitasi Perkeso di Melaka dan dalam waktu yang sama, mereka turut dalam proses permohonan bagi mendapatkan pencen ilat dan ini termasuk juga bekas atlet olahraga G. Saravanan.

Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) turut memberi kerjasama penuh kepada YAKEB dalam hal pemilikan rumah sendiri untuk ahlinya, antaranya termasuk bekas atlet angkat berat para, Sharifah Raudzah binti Syed Akil di Kelantan dan bekas atlet sepak takraw wanita, Anis Nadia binti Jefri di Kedah.

Inisiatif-inisiatif ini menggambarkan komitmen YAKEB dan Kementerian Belia dan Sukan dalam menjaga kebajikan bekas atlet negara melalui pelbagai program dan kolaborasi yang melibatkan dana kerajaan serta sokongan daripada agensi dan sektor swasta.

b) Kementerian melalui MSN telah memperkenalkan Skim Kontrak Penggajian Atlet (SKPA) yang menggantikan kontrak latihan atlet sedia ada pada tahun 2024. Skim ini menyediakan caruman bulanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk seramai 238 atlet di bawah Program Podium bertujuan untuk menjamin masa depan atlet-atlet negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA
[PASIR SALAK]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [PASIR SALAK] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah hasil perbincangan bersama pemegang taruh dalam memuktamadkan cadangan dan perincian bagi mencari penyelesaian terbaik isu padi dan beras seperti yang dimaklumkan pada Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Susulan keputusan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Bilangan 1 Tahun 2024 pada 19 Mac 2024 yang lalu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah diarah untuk meneruskan perbincangan bersama dengan semua pemegang taruh meliputi jabatan dan agensi Kerajaan, pesawah, pengilang, pemborong dan peruncit bagi memperhalusi pelan tindakan jangka panjang struktur kos pengeluaran beras yang lebih realistik dalam memastikan industri padi dan beras adalah mampan.

Sesi libat urus bersama pemegang-pemegang taruh telah selesai namun cadangan-cadangan termasuk cadangan penyelarasan harga baharu beras putih tempatan (BPT) masih belum dimuktamadkan sepenuhnya memandangkan kajian terperinci mengenainya masih sedang berjalan. Dalam masa yang sama, pihak Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) juga baru selesai menghasilkan kajian am mengenai industri padi beras. KPKM ingin memberi komitmen bahawa setiap aspek penambahbaikan dan syor yang dikemukakan oleh kedua-dua kajian tersebut akan diteliti dan dinilai mengenai kebolehpayaan dan keutamaan pelaksanaannya pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI
[PEKAN]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bentuk pemantauan berkala yang dilaksanakan terhadap dewan makan di Maktab Rendah Sains Mara di bawah seliaan Kementerian dalam memastikan isu seperti aspek kebersihan, pematuhan piawaian dan spesifikasi hidangan diikuti dengan jujur oleh kontraktor yang mendapat tender dewan makan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman MARA telah menyediakan kemudahan bekalan bermasakan Islam kepada semua pelajar-pelajar MRSM di 56 MRSM seluruh Negara. Sehingga 31 Ogos 2024, MARA telah melantik syarikat-syarikat Bumiputera sebagai kontraktor Perkhidmatan pembekalan makanan bermasakan Islam yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan melalui tender terbuka. Pelantikan kontraktor ini bagi tempoh 2 tahun.

Untuk makluman, pihak MARA pada masa ini telah melaksanakan mekanisme pemantauan secara harian, mingguan dan bulanan. Pemantauan berkenaan dilaksanakan secara kerap di peringkat MRSM dan juga pengawal program di peringkat MARA. Kesemua aspek bagi pelaksanaan bekalan perkhidmantan ini adalah telah dinyatakan dengan jelas dalam dokumen kontrak dan perjanjian yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Senarai jenama bahan dan menu harian juga telah dinyatakan secara jelas di dalam dokumen kontrak. Manakala menu harian juga telah mendapat kelulusan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari aspek kandungan berat dan kalori yang ditetapkan untuk pelajar MRSM.

Dari aspek pengawalan dan pemantauan, MARA juga telah melaksanakan jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Pelawat Asrama yang diketuai oleh Pengarah MARA Negeri berserta beberapa ahli jawatankuasa lain. Lawatan secara berjadual dengan kekerapan empat (4) kali setahun ke MRSM (termasuk asrama, surau dan dewan selera). Selain itu, pemantauan berkala daripada Bahagian Perolehan Aset (BAP) dan Bahagian Pendidikan Menengah (BPM) juga turut dilakukan.

Pihak MARA juga sentiasa bekerjasama dengan pihak Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia serta Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) untuk tujuan pemantauan Bersama. Semakan dan garis panduan telah disediakan melalui borang penilaian prestasi Amalan Program Keselamatan Makanan (ProKEM) yang dikeluarkan oleh KKM.

Syarikat juga akan dikeluarkan surat peringatan dan pemotongan apabila berlaku pelanggaran syarat kontrak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI
[TUMPAT]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

**DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI [TUMPAT] minta MENTERI
KESIHATAN menyatakan:**

- (a) apakah status terkini penubuhan Institut Kesihatan Mental termasuk aspek pendanaan dan tenaga pakar yang diperlukan; dan
- (b) berapa bilangan kes yang telah diterima menerusi Talian Bantuan Krisis Kesihatan Mental sehingga kini, serta apakah tindakan susulan yang diambil untuk membantu mereka yang memerlukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan komited dalam menangani isu kesihatan mental di negara. Selaras dengan komitmen tersebut, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan Institut Kesihatan Mental yang dinamakan sebagai Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan atau *National Centre of Excellence for Mental Health* (NCEMH) di bawah Program Kesihatan Awam yang telah beroperasi semenjak 21 Oktober 2022. NCEMH beroperasi:

- (a) membangunkan polisi dalam merancang, melaksana dan memantau aktiviti promosi kesihatan mental dan pencegahan penyakit mental, latihan, surveilan dan intervensi krisis kesihatan mental;
- (b) sebagai pusat koordinasi bagi program dan perkhidmatan kesihatan mental dengan pelaksanaan perkongsian pintar atau kolaboratif dengan pelbagai pihak, antaranya agensi Kerajaan dan swasta serta badan bukan kerajaan (NGO). Kolaboratif yang dilaksanakan melibatkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti saringan, promosi dan pencegahan kesihatan mental serta latihan, surveilan dan penyelidikan dalam bidang berkaitan.; dan
- (c) berperanan menggerakkan tenaga pakar termasuk Pakar Psikiatri, Pegawai Psikologi Kaunseling, ahli-ahli akademik dalam pembangunan modul, garis panduan, pelaksanaan latihan dan penyelidikan

2. Daripada segi pendanaan, KKM telah menerima dana khusus untuk NCEMH bagi pelaksanaan aktiviti kesihatan mental yang meliputi program advokasi kesihatan mental dan psikososial, rawatan serta intervensi di lapangan, perkhidmatan *Mental Health and Psychosocial Support Sevices* (MHPSS) dan juga latihan dan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Sejak Talian Bantuan Krisis Kesihatan Mental atau Talian HEAL 15555 ditubuhkan menerusi NCEMH pada 21 Oktober 2022 sehingga kini, sebanyak 65,183 panggilan telah diterima. Daripada jumlah ini, sebanyak 39,801 (61%) klien telah menerima bantuan sokongan dan emosi manakala 25,382 (39%) klien telah diberikan intervensi khusus oleh Pegawai Psikologi Kaunseling.

4. Sebanyak 345 kes tingkah laku bunuh diri telah dikendalikan meliputi idea bunuh diri dan cubaan bunuh diri. Daripada jumlah ini, 207 kes idea bunuh diri telah diberikan intervensi dan 138 kes cubaan bunuh diri telah dirujuk dan berjaya dibawa ke fasiliti kesihatan KKM bagi mendapatkan rawatan selanjutnya.

5. Bagi setiap kes cubaan bunuh diri yang telah berjaya diselamatkan melalui Talian HEAL 15555 dan telah discaj daripada hospital, petugas talian iaitu Pegawai Psikologi (Kaunseling) akan melakukan panggilan tindak susul secara berkala bagi memastikan kelangsungan rawatan dan pemulihan.

6. Selain talian bantuan krisis, KKM juga turut menyediakan perkhidmatan intervensi dan rawatan kepada semua lapisan masyarakat terutama golongan kanak-kanak dan remaja yang mengalami masalah kesihatan mental. Perkhidmatan ini boleh diakses di 1,088 klinik kesihatan, 64 hospital termasuk empat (4) institusi mental dan 34 buah Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI) yang turut menyediakan perkhidmatan pengesanan awal, rawatan dan pemulihan kepada masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan situasi terkini masalah benih sah untuk para pesawah, mohon memberikan penjelasan secara menyeluruh dengan memberikan fokus dari segi bekalan benih sah ketika musim menanam dan harga benih tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pembekalan dan harga benih padi sah (BPS) merupakan antara perkara yang sentiasa diberikan keutamaan oleh Kementerian Pertanian dan Kerterjaminan Makanan (KPKM) dalam memastikan musim penanaman padi tidak terjejas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan BPS semasa ialah sebanyak 72,000 tan metrik dengan keperluan benih bagi sehektar tanah sawah adalah sekitar tujuh (7) hingga 10 beg per hektar (20 kilogram) atau 140 kilogram hingga 200 kilogram. Para pesawah menikmati insentif sebanyak RM1.03 bagi setiap kilogram BPS yang dibeli daripada dua belas (12) syarikat pengeluar BPS dan tiga belas (13) pemborong BPS yang dilantik oleh Kerajaan.

Bagi memastikan bekalan BPS mencukupi dan harga terkawal, KPKM telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (i) Memantau dan mengawal ketat proses kelulusan ladang dan makmal terhadap 12 syarikat pengeluar BPS berdasarkan kepada prosedur operasi standard yang ditetapkan oleh jabatan dan agensi sebelum ianya dijual kepada pesawah;
- (ii) Penetapan harga maksimum jualan BPS bagi setiap kampak 20 kilogram sebanyak RM54 di pintu gudang syarikat pengeluar manakala RM58 bagi harga runcit mulai 15 April 2024. Penetapan harga ini dibuat bagi mengelakkan manipulasi harga BPS di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak;
- (iii) Menarik semula lesen penjualan BPS serta merta jika siasatan lanjut mengesahkan aduan yang diterima mengenai penjualan benih padi melebihi harga sepertimana yang ditetapkan;

NO SOALAN : 27

- (iv) Melakukan risikan dan penguatkuasaan secara berterusan bagi memastikan ketetapan harga ini dipatuhi sepenuhnya oleh semua pihak;
- (v) Menyarankan pesawah atau mana-mana pihak berkepentingan membuat aduan secara terus kepada Cawangan Kawalselia Padi dan Beras (KPB), pejabat KPB negeri atau melalui agensi seperti Jabatan Pertanian (DOA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) atau Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sekiranya menghadapi masalah berkaitan bekalan dan isu benih; dan
- (vi) Mengeluarkan lesen runcit melalui kuasa Ketua Pengarah KPB di bawah peruntukan Seksyen 4 Akta Pengawalan Padi Beras 1994 [Akta 522] kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan syarikat untuk mengedarkan BPS terus kepada pesawah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI
BIN HANAPI (BERSARA) [TANJONG
KARANG]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

**KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI (BERSARA)
[TANJONG KARANG]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan
apakah pencapaian semasa Kertas Putih Kesihatan serta apakah
tindakan bagi mencapai sasaran yang ditentukan dalam tempoh masa
terdekat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelaksanaan Kertas Putih Kesihatan sedang giat dijalankan berdasarkan 4 tonggak utama bagi memperkukuhkan lagi sistem kesihatan negara.
2. Pencapaian terkini mengikut tonggak Kertas Putih Kesihatan adalah seperti berikut:

Tonggak 1: Mentransformasikan Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan.

Tonggak ini merangkumi reformasi penyampaian perkhidmatan kesihatan merentasi penjagaan primer, sekunder dan tertiar. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:

- (i) **Program Penyumberluaran Perkhidmatan Hospital** meningkatkan lagi aksesibiliti dan kualiti penjagaan kesihatan. Inisiatif ini membolehkan pesakit daripada hospital KKM dirawat menerusi kaedah penyumberluaran di fasiliti swasta, seterusnya dapat mengurangkan masa menunggu dan kesesakan di hospital awam.
- (ii) **Program Rakan KKM** diperkenalkan bagi tujuan menawarkan perkhidmatan nilai tambah kepada pesakit yang mampu membayar, tanpa menjejaskan akses perkhidmatan kepada golongan kurang berkemampuan. Hasil daripada inisiatif ini juga akan dapat disalurkan semula kepada hospital menerusi kaedah subsidi silang.

Tonggak 2: Memajukan Promosi Kesihatan dan Pencegahan Penyakit.

Tonggak ini memberi keutamaan kepada reformasi promosi kesihatan dan pencegahan penyakit. Antara inisiatif yang dilancarkan adalah:

- (i) **Perang Terhadap Gula** dengan objektif untuk mengurangkan pengambilan gula dalam kalangan rakyat Malaysia.

- (iii) Baru-baru ini, kenaikan **duti eksais ke atas minuman bergula (SSB)** kepada 90 sen seliter telah diumumkan di dewan mulia ini. Inisiatif ini akan dilaksanakan secara berfasa, dengan hasil kutipan digunakan untuk pembiayaan kesihatan awam.
- (iv) satu **sistem label panduan nutrisi depan** baharu sedang diperincikan untuk memberikan maklumat tentang kandungan gula dan garam dalam produk makanan dan minuman bagi memperkukuh sistem pelabelan di Malaysia.

Tonggak 3: Memastikan Pembiayaan Kesihatan yang Mampan dan Saksama

Tonggak ini menerangkan tentang strategi reformasi pembiayaan kesihatan agar lebih mampan, mempunyai perlindungan risiko **kewangan yang lebih baik dan mengurangkan pembayaran terus dari poket.**

- (i) KKM berusaha untuk mencari **pendekatan inovatif** dalam meluaskan pilihan sumbangan kesihatan daripada individu yang berkemampuan. Ini membolehkan **dana awam yang diperuntukkan** ditumpukan khusus kepada golongan berpendapatan rendah, khususnya B40. Usaha ini juga melibatkan kolaborasi dengan industri dan agensi kerajaan lain bagi memperluas perlindungan insurans kesihatan swasta sepanjang hayat dan menambah baik produk ini dengan memanfaatkan penjagaan kesihatan dengan **pendekatan berasaskan nilai kesihatan (value-based healthcare).**
- (ii) KKM sedang berusaha ke arah penubuhan satu **dana kesihatan negara (dengan izin “National Health Fund”)** yang bakal **mengumpulkan pelbagai sumber pembiayaan kesihatan awam** termasuk daripada hasil cukai, bukan cukai, dan juga dana yang dikhaskan (dengan izin “earmarked”) daripada kegiatan-kegiatan penguatkuasaan KKM seperti cukai SSB dan lain-lain di bawah satu entiti yang diuruskan secara telus, efisien dan berintegriti . Dana ini akan memanfaatkan **pembelian strategik** bagi mengoptimumkan penggunaan sumber di fasiliti kesihatan awam dan swasta.

Tonggak 4: Memperkukuh Asas Sistem Penjagaan Kesihatan memberi fokus kepada reformasi dari segi dasar dan fungsi sistem kesihatan secara menyeluruh.

KKM sedang menjalankan Kajian Jurang Penawaran dan Permintaan Fasiliti Kesihatan, Peralatan dan Kapasiti Sumber Manusia untuk Kesihatan bagi memperkukuhkan perancangan keperluan sumber kesihatan untuk negara.

2. Dalam usaha mencapai sasaran yang ditetapkan, KKM mengambil pelbagai langkah, termasuk:

- (a) **Sesi Libat Urus** dengan pihak berkepentingan, termasuk sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan, untuk mendapatkan input dan pandangan dalam memperbaiki sistem penjagaan kesihatan.
- (b) **Kerjasama dengan pelbagai kementerian** dan sektor adalah penting dalam mencapai hasil yang diinginkan. KKM bekerjasama rapat dengan kementerian lain, termasuk Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, untuk memastikan pendekatan holistik dalam promosi kesihatan dan pencegahan penyakit.
- (c) **Sesi Perkongsian Pengetahuan** dengan negara-negara seperti Singapura, Thailand, dan Australia untuk memindahkan ilmu dan amalan terbaik dalam sistem kesihatan. Usaha ini bertujuan untuk menanda aras dan memperbaiki perkhidmatan kesihatan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
[AMPANG]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status perolehan ubat-ubatan rawatan hemofilia bagi tahun 2024 terutama sebab pesakit hemofilia dilaporkan tidak menerima bekalan beberapa bulan lepas di samping peruntukan bagi tahun 2025 mengikut jenis rawatan khususnya rawatan berasaskan faktor, rawatan bukan faktor dan bahan memintas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebanyak lapan belas (18) jenis ubat untuk rawatan hemofilia telah diperoleh fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di mana tiga belas (13) jenis ubat diperoleh melalui Konsesi Logistik Bekalan Perubatan manakala lima (5) jenis ubat diperoleh melalui kaedah pembelian terus.
2. Daripada jumlah tersebut, empat belas (14) jenis ubat berasaskan *factor*, dua (2) jenis ubat di bawah kategori bahan memintas (*bypassing agent*) dan dua (2) jenis ubat kategori rawatan bukan *factor*.
3. Bagi tempoh 1 Januari 2024 sehingga 30 Oktober 2024, KKM telah membelanjakan sejumlah RM85,732,508 juta bagi (18) jenis ubat untuk rawatan hemofilia berbanding tahun 2023 sebanyak RM51,825,205 juta yang menunjukkan peningkatan sebanyak 65 peratus bagi perolehan pada tahun 2024.
4. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah meneliti isu bekalan ubat untuk rawatan hemofilia dan pada masa ini tiada pesakit yang terputus bekalan ubat untuk rawatan ini dan KKM sentiasa komited dalam memastikan bekalan ubat-ubatan sentiasa mencukupi untuk keperluan pesakit.
5. Bagi tahun 2025, peruntukan bekalan perubatan farmaseutikal telah diluluskan sebanyak RM6 billion iaitu peningkatan sebanyak RM460 juta atau 8.3% berbanding RM5.54 billion peruntukan yang diterima bagi tahun 2024. Sehubungan itu KKM positif bahawa peruntukan tersebut akan dibelanjakan secara optimum bagi memastikan kesinambungan bekalan ubat termasuk bagi rawatan hemofilia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah segera yang telah diambil untuk mengekang penularan virus cacar monyet susulan terdapat kes positif telah dikesan baru- baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan pengumuman WHO berkaitan MPox sebagai *Public health emergency of international concern* (PHEIC), Kementerian Kesihatan telah meningkatkan langkah kesiapsiagaan dan respons bagi menghadapi penularan wabak tersebut. Bilik Gerakan MPox di CPRC Kebangsaan, KKM telah pun diaktifkan semenjak 16 Ogos 2024 bagi memantau situasi MPox dalam dan di luar negara serta menyelaraskan langkah kesiapsiagaan dan respons bagi menghadapi MPox.

2. Bagi mencegah penularan kes MPox di Malaysia, Kementerian Kesihatan melaksanakan beberapa strategi pengesanan awal seperti berikut:

(i) Mengesan awal kes melalui pengukuhan surveilan di Pintu Masuk Antarabangsa

- (a) KKM telah memperkukuhkan pemantauan di pintu masuk antarabangsa termasuk di lapangan terbang, pelabuhan dan sempadan darat dengan melaksanakan saringan suhu dan pemeriksaan kesihatan terhadap penumpang, terutamanya mereka yang datang dari kawasan berisiko tinggi.
- (b) Pengesanan awal ini membolehkan pengasingan segera terhadap kes yang disyaki bagi mengurangkan risiko penularan.
- (c) Sejak 16 Ogos 2024 hingga 4 Oktober 2024, secara kumulatif, seramai 12,443,563 pengembara telah disaring.
- (d) Terdapat dua (2) pengembara telah dikesan mengalami gejala dan dirujuk ke fasiliti kesihatan terdekat iaitu pada 7 dan 13 September 2024 dengan keputusan ujian PCR untuk kedua-kedua kes adalah negatif.

(ii) Mengesan awal di fasiliti kesihatan

- (a) Di peringkat fasiliti kesihatan, KKM telah meningkatkan lagi keupayaan pengesanan dengan menjalankan taklimat dan latihan untuk petugas kesihatan bagi mengenal pasti gejala dan tanda MPox.
- (b) Bagi tahun 2024 (hingga 4 Oktober), terdapat sebanyak 72 kes yang disyaki MPox telah dinotifikasi kepada Kementerian Kesihatan di mana 71 kes disahkan negatif dan satu (1) kes disahkan positif MPox. Daripada 72 kes tersebut, 63 notifikasi (88%) diterima daripada fasiliti Kerajaan dan 9 notifikasi (12%) daripada fasiliti swasta.

(iii) Memperkukuh diagnostik dan ujian makmal

- (a) Pengukuhan keupayaan makmal bagi melaksanakan ujian pengesanan MPox melalui ujian PCR (*Polymerase Chain Reaction*) agar keputusan yang diterima adalah tepat dan pantas.
- (b) Terdapat 14 buah makmal berupaya untuk menjalankan ujian pengesanan mpox melibatkan 8 buah makmal fasiliti kesihatan kerajaan dan 6 buah makmal swasta.

(iv) Mengurus kes MPox secara berkesan

- (a) Kementerian Kesihatan telah menyediakan garis panduan pengurusan kes MPox termasuk rawatan dan keperluan isolasi.
- (b) Satu (1) kes yang disahkan MPox yang dilaporkan pada 16 September 2024 telah menjalani pengasingan (isolasi) dan rawatan di wad selama 20 hari dan seterusnya dibenarkan pulang pada 30 September 2024.

(v) Mengurus kontak

- (a) Kontak rapat yang dikenal pasti dipantau bagi mengawal penularan jangkitan.

- (b) Sebanyak 11 orang kontak rapat telah dikenal pasti bagi satu (1) kes yang disahkan MPox. Kesemua kontak telah dipantau selama 21 hari dan dilaporkan sihat dan tidak mengalami sebarang gejala.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RIDUAN BIN RUBIN
[TENOM]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaik taraf jambatan Ponontomon daripada jambatan kayu kepada jambatan konkrit untuk meningkatkan kesejahteraan taraf kehidupan sosial penduduk setempat memandangkan jambatan sedia ada berisiko dan kurang selamat untuk kegunaan harian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Permohonan projek-projek pembangunan termasuklah Projek Jambatan Luar Bandar (JMLB) di bawah Kementerian ini dimohon melalui jendela Rolling Plan bagi setiap tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek menaik taraf jambatan Ponontomon tidak termasuk dalam Senarai Keutamaan Negeri bagi Rolling Plan Kelima, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) Tahun 2025 yang telah dikemukakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah.

Sekiranya terdapat keperluan mendesak bagi pembinaan jambatan kekal yang disebutkan oleh Yang Berhormat, kerjasama Yang Berhormat adalah dipohon bagi mengemukakan permohonan tersebut kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah untuk dimasukkan ke dalam Senarai Keutamaan Negeri sebelum diangkat kepada Kementerian Ekonomi bagi kelulusan di bawah *Rolling Plan* berikutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM
[ARAU]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah yang diambil melalui JAKOA untuk mengekang pencerobohan terhadap tanah adat Orang Asli ekoran Mahkamah Tinggi Ipoh yang memerintahkan dua syarikat untuk menghentikan projek pembinaan empangan hidroelektrik mini serta-merta dari tanah adat Orang Asli di Ulu Geruntum, Gopeng.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited dan mengambil perhatian serius dalam usaha-usaha mengekang pencerobohan ke kawasan dan rizab orang asli. Hal ini dilaksanakan dengan mengukur dan mewartakan kawasan penempatan serta rizab Orang Asli. Setiap tahun, KKDW melalui JAKOA telah menyediakan peruntukan bagi pelaksanaan kerja ukur Perimeter dan ukur Halus. Sehingga kini, JAKOA telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM18 juta bagi kerja-kerja ukur tanah di kawasan penempatan Orang Asli seluruh Semenanjung Malaysia. Secara keseluruhannya, daripada 853 Kampung Orang Asli yang diiktiraf JAKOA, sejumlah 295 Kampung Orang Asli dengan keluasan tanah lebih kurang 40,412.90 hektar telah diwartakan di bawah Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), Kanun Tanah Negara 1965 dan perundangan terdahulu. Bermula tahun 2024 juga, JAKOA telah merancang dan akan menaikkan papan tanda larangan menceroboh bagi tanah-tanah orang asli yang telah diwartakan. Ini bertujuan bagi memberi peringatan kepada pihak yang ingin memasuki atau melaksanakan projek untuk mendapat kebenaran daripada pihak JAKOA terlebih dahulu supaya hak Masyarakat Orang Asli dapat dilindungi daripada eksploitasi pihak luar.

Walaupun usaha kerja-kerja ukur telah dilaksanakan, prerogatif bagi mewartakan tanah-tanah bagi kegunaan orang asli adalah terletak di bawah bidang kuasa PBN. Ini selaras bidang kuasa yang diberikan kepada PBN dalam urusan tanah seperti mana termaktub di bawah Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan. Setakat ini, sejumlah 272 permohonan pewartaan Kampung Orang Asli dengan anggaran keluasan 80,677.59 hektar telah dipanjangkan kepada PBN namun masih belum mendapat kelulusan dan dilaksanakan pewartaan. Oleh yang demikian, besar harapan agar pihak Kerajaan Negeri dapat turut membantu inisiatif JAKOA dalam mempercepatkan pewartaan semua kawasan penempatan dan rizab orang asli agar pencerobohan seperti di Ulu Geruntum, Gopeng tidak lagi berlaku.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANNDZRI BIN NASIB
[TENGGARA]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN MANNDZRI BIN NASIB [TENGGARA] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam memperkasa peranan TVET pertanian yang bukan lagi menjadi pilihan utama anak muda di samping meremajakan bidang pertanian dalam mengurangkan kebergantungan import makanan yang tinggi dan mencatat sebanyak RM78.7 billion makanan tahun lalu serta menimbulkan ancaman keselamatan makanan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) komited dalam memperkasa peranan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) pertanian dan meremajakan bidang pertanian selaras dengan Teras 3: Membangun Bakat Yang Memenuhi Keperluan Industri di bawah Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0). Antara usaha yang dilaksanakan bagi menarik penglibatan generasi muda adalah:

- (i) Mempertingkatkan program seperti berikut:
 - (a) Promosi TVET pertanian terutamanya di sekolah untuk memberi pendedahan awal dan menangani persepsi negatif pelajar terhadap sektor pertanian yang dikategorikan sebagai 3D (*dirty, dangerous and difficult*). Pelaksanaan program ini diharap dapat memupuk minat pelajar untuk menyertai program atau kursus TVET Pertanian selepas tamat sesi persekolahan;
 - (b) Karnival TVET Pertanian bagi memperkenalkan TVET Pertanian, teknologi terkini dalam bidang pertanian, serta menganjurkan pertandingan projek inovasi dan aktiviti pembangunan insaniah;
- (ii) Menyediakan teknologi moden seperti penggunaan *Internet of Things* (IOT) bagi pemantauan secara jarak jauh; penggunaan *Artificial Intelligence* (AI) bagi diagnosis kesihatan tanaman dan ternakan; dan penggunaan simulator pemanduan bot nelayan dan perisian *Virtual Reality* (VR) bagi aktiviti penangkapan ikan. Sehingga kini, sebanyak tujuh (7) buah pusat bertauliah telah dilengkapi dengan peralatan pengajian moden seperti *drone* pertanian dan penggunaan simulator;

- (iii) Menambah baik dan menaik taraf pusat bertauliah dengan kemudahan dan kelengkapan moden seperti bilik kuliah yang dilengkapi dengan kemudahan ICT dan jaringan rangkaian internet berkelajuan tinggi;
- (iv) Mempertingkat jaringan kerjasama bersama pihak industri dan institusi pengajian tinggi melalui perintegrasian siswazah ke dalam persekitaran pekerjaan yang sebenar menerusi latihan amali dan perantisan; dan
- (v) Menambah baik kurikulum supaya selari dan memenuhi keperluan industri dan teknologi terkini. Pada tahun 2024, tiga (3) *National Occupational Skills Standard* (NOSS) telah ditambah baik iaitu Penyelenggaraan dan Baikpulih Jentera Kecil dan Peralatan Pertanian Tahap 3, Operasi Pengeluaran Tanaman Tahap 3 dan Penyelarasan Teknologi Tanaman Tahap 4 dengan penglibatan pakar daripada industri.

Perancangan KPKM bagi meningkatkan produktiviti industri agromakanan negara serta mengurangkan kebergantungan import makanan ialah:

- (i) **Meneroka ruang dan peluang baharu** untuk berkolaborasi dengan rakan strategik dalam mengetengahkan bakat muda yang berpotensi dalam bidang pertanian melalui *Memorandum of Cooperation* (MoC) bersama syarikat swasta dan pihak industri; dan
- (ii) **Mengadakan sesi libat urus secara berkala** bersama pihak industri, graduan dan pelatih di pusat bertauliah untuk bertukar-tukar pandangan dan mendapatkan input tambahan dalam memperkasakan TVET Pertanian.

KPKM komited untuk memperkasa peranan TVET pertanian dan seterusnya melahirkan tenaga kerja mahir serta meremajakan bidang pertanian bagi memenuhi keperluan industri yang dapat menyumbang kepada peningkatan produktiviti industri agromakanan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan peranan PBT dalam menyediakan kemudahan sukan untuk bakat-bakat kanak-kanak kerana terdapat sesetengah sukan yang memerlukan kelengkapan khas seperti gelanggang junior.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI komited untuk menangani masalah rakyat selaras dengan nilai teras Malaysia MADANI iaitu kesejahteraan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) bertanggungjawab untuk menyediakan peruntukan projek-projek kecil BP.1 kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mengutamakan penyelesaian terhadap permasalahan rakyat di peringkat Kerajaan Tempatan.

Namun begitu, peruntukan projek-projek kecil BP.1 yang disediakan oleh KPKT yang juga melibatkan permohonan kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan awam termasuk stadium dan kemudahan sukan seperti gimnasium, haruslah tertakluk **di bawah pengurusan dan seliaan PBT sahaja**. Buat masa ini, terdapat **338 buah jumlah fasiliti sukan di bawah seliaan PBT di seluruh negara**.

Bagi menyokong kerja-kerja penyelenggaraan kecil infrastruktur dan kemudahan awam seperti stadium dan fasiliti sukan PBT, KPKT telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM6.48 juta melibatkan 62 projek pada tahun 2023** dan sebanyak **RM1.45 juta kepada enam (6) PBT di seluruh negara untuk melaksanakan tujuh (7) projek bagi tahun 2024**. Kelulusan ini membuktikan bahawa di bawah Kerajaan MADANI, semua rakyat berhak memperolehi akses kepada kemudahan fasiliti sukan yang berkualiti dan terbaik di samping menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia termasuklah golongan belia dan kanak-kanak.

Sehubungan itu, PBT boleh mengemukakan permohonan peruntukan di bawah projek BP.1 untuk dipertimbangkan mengikut skop dan kriteria yang ditetapkan oleh KPKT.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN
[BANGI]
TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang diambil dan insentif-insentif yang diberikan oleh pihak Kementerian bagi menjaga kebajikan para atlet; dan
- (b) jumlah atlet yang telah menerima manfaat Skim Penggajian Atlet sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

a) Bagi memastikan kebajikan atlet-atlet terjaga, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara (MSN) telahpun mewujudkan *Malaysian Athlete Career and Education* (MACE) pada tahun 2016 yang bertanggungjawab untuk menjaga pendidikan, kerjaya dan juga kebajikan atlet. MACE telah meningkatkan usaha untuk menyediakan laluan pendidikan yang lebih luas dan fleksibel dengan mengambil inisiatif-inisiatif seperti mengadakan kerjasama dengan Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/IPTS) dan Institusi Kemahiran yang menawarkan kemudahan-kemudahan seperti pengubahsuaian program (*customized program*) dan tawaran biasiswa. Seramai 156 orang atlet di bawah program MSN telah menerima tawaran kemasukan ke universiti pada tahun ini.

MSN juga menyediakan Skim Kebajikan Atlet Kebangsaan (SKAK) bagi atlet-atlet di bawah program MSN sejak tahun 1998. SKAK ini diwujudkan bertujuan untuk menjaga kebajikan atlet-atlet MSN termasuk bantuan perlindungan kemalangan diri di mana ia meliputi kematian, kecederaan dan kehilangan upaya semasa program latihan mahupun mengambil bahagian dalam acara sukan.

Menerusi skim ini, Skim Perlindungan Kemalangan Diri Berkelompok disediakan dan ini meliputi perlindungan seperti bayaran bil hospital, hilang upaya kekal, hilang upaya sementara, perbelanjaan perubatan dan lain-lain.

Selain itu, Bantuan Khairat Kematian bagi atlet-atlet MSN di bawah program latihan sepenuh masa dan punca kematian adalah disebabkan penyakit biasa. Bantuan yang diberikan adalah sebanyak RM120,000.00 secara one-off kepada waris terdekat mangsa iaitu ibu, bapa, suami, isteri atau anak.

Mulai tahun 2024, Skim Insurans Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah disediakan bagi atlet-atlet di bawah Program Podium dan Pelapis Kebangsaan. Skim ini turut menyediakan pencen ilat sekiranya berlaku kecederaan yang memudaratkan secara kekal, serius atau yang tidak mungkin sembuh.

Kementerian melalui Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB) turut memainkan peranan penting dalam melindungi dan menjaga kebajikan bekas atlet termasuk bekas atlet kelainan upaya (para) melalui pelbagai program yang komprehensif.

Setakat bulan September 2024, YAKEB telah memberikan bantuan kepada **1,514** bekas atlet dengan jumlah **RM781,087.86**. Dengan peruntukan kerajaan sebanyak **RM1 juta** yang disalurkan melalui Kementerian Belia dan Sukan.

Selain dana kerajaan, YAKEB turut menjalin kerjasama dengan pelbagai agensi dan pihak swasta bagi memperluas bantuan kepada bekas atlet. Sebagai contoh, YAKEB bekerjasama dengan **PERKESO** untuk membantu ahli dalam aspek rehabilitasi dan pencen ilat. Contoh yang relevan termasuk bekas atlet skuasy, **Kenneth Low** dan bekas atlet sepak takraw **Suhaimi Yusof**, yang telah menerima rawatan rehabilitasi

di Pusat Rehabilitasi Perkeso di Melaka dan dalam waktu yang sama, mereka turut dalam proses permohonan bagi mendapatkan pencen ilat ini termasuk juga bekas atlet olahraga **G. Saravanan**.

Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) turut memberi kerjasama penuh kepada YAKEB dalam hal pemilikan rumah sendiri untuk ahlinya, antaranya termasuklah bekas atlet angkat berat para, **Sharifah Raudzah binti Syed Akil** di Kelantan dan bekas atlet sepak takraw wanita, **Anis Nadia binti Jefri** di Kedah

Inisiatif-inisiatif ini menggambarkan komitmen YAKEB dan Kementerian Belia dan Sukan dalam menjaga kebajikan bekas atlet negara melalui pelbagai program dan kolaborasi yang melibatkan dana kerajaan serta sokongan daripada agensi dan sektor swasta.

b) Kementerian melalui MSN telah memperkenalkan Skim Kontrak Penggajian Atlet (SKPA) yang menggantikan kontrak latihan atlet sedia ada pada tahun 2024. Skim ini menyediakan caruman bulanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk seramai 238 atlet di bawah Program Podium bertujuan untuk menjamin masa depan atlet-atlet negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB
[GERIK]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah kajian terperinci telah dijalankan terhadap prosedur penyediaan deposit dan jaminan bank, kadar caj serta kaedah kutipan bagi warga asing yang mendapatkan rawatan di fasiliti KKM yang dilaporkan mencecah RM40 juta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian ini memandang serius terhadap rekod tunggakan bil perubatan melibatkan pesakit warganegara asing yang menerima perkhidmatan kesihatan di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2. Bagi mengatasi masalah tersebut, antara tindakan yang telah diambil adalah KKM telah mengadakan perjanjian dengan syarikat swasta di bawah Prosedur Permohonan Mendapatkan Kemudahan Rawatan Pesakit Dalam di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia dengan Menggunakan Surat Jaminan Syarikat Melalui Penyediaan Jaminan Bank. Melalui perjanjian ini, syarikat swasta perlu menyediakan jaminan bank mengikut bilangan pekerja kepada pihak KKM. Misalnya, sebuah syarikat swasta perlu menyediakan jaminan bank berjumlah RM2,500 jika bilangan pekerjanya adalah 200 orang atau kurang. Sekiranya bil perubatan tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan, potongan jaminan bank akan dilaksanakan oleh KKM untuk menjelaskan bayaran bil tertunggak terlibat.

3. Sehingga bulan September 2024, sebanyak 823 syarikat telah menandatangani perjanjian jaminan bank dengan KKM untuk kemudahan perubatan bagi pekerja asingnya.

4. KKM pada masa kini sedang meneliti semula prosedur penetapan deposit dan jaminan bank dari segi kadar dan tatacara kutipan agar jumlahnya mencukupi untuk membiayai kos perubatan warganegara asing berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Hasil daripada tindakan yang telah diambil oleh KKM berhubung tuntutan bayaran bil perubatan warganegara asing sepanjang bulan Disember tahun 2023 hingga bulan September tahun 2024, terdapat penurunan tunggakan yang direkodkan iaitu sebanyak RM3.84juta atau

NO SOALAN : 36

9.58% iaitu penurunan jumlah tunggakan bil daripada RM40.08 juta kepada RM36.24 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHEW CHOON MAN [MIRI]

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHEW CHOON MAN [MIRI] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah perancangan bagi meneroka zon ekonomi khas antara Brunei dan Miri, yang berpotensi meningkatkan pelaburan rentas sempadan, perdagangan dan pelancongan, mengambil contoh kejayaan model zon khas Johor-Singapura.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini tiada perancangan khusus untuk mewujudkan Zon Ekonomi Khas bagi sempadan antara Brunei dan Miri. Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui Kementerian Ekonomi sedia mempertimbang dan memperhalusi cadangan mewujudkan Zon Ekonomi Khas Sempadan bagi Brunei dan Miri pada masa hadapan sekiranya wujud keperluan dan memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

2. Pada masa ini, platform *Brunei-Indonesia-Malaysia-Phillippines East ASEAN Growth Area* (BIMP-EAGA) telahpun tersedia untuk galakan kerjasama dalam pelbagai bidang fokus termasuk kerjasama pelaburan. Kerajaan Negeri Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah digalakkan untuk meningkatkan lagi kerjasama dengan negara jiran Brunei, Indonesia dan Filipina untuk pembangunan ekonomi serantau.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NURUL AMIN BIN HAMID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapa jumlah isi rumah kategori miskin tegar di Padang Terap dan apakah perancangan Kementerian untuk menoktahkan kemiskinan tegar di Padang Terap.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Bank Data Kemiskinan Nasional eKasih sehingga 31 November 2024, bilangan ketua isi rumah (KIR) miskin tegar yang direkodkan di daerah Padang Terap berjumlah 23 orang.

2. Bagi menoktahkan kemiskinan dengan segera, Kerajaan melaksanakan beberapa tindakan intervensi yang bersifat jangka masa pendek, sederhana dan panjang di seluruh negara termasuk di Padang Terap, Kedah.

3. Bagi jangka masa pendek, Kerajaan menyediakan pelbagai inisiatif antaranya Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (SARA), subsidi kepada pesawah dan pekebun kecil serta projek pembaikan melibatkan infrastruktur luar bandar dan program pembasmian kemiskinan. Usaha ini juga turut diperkasakan melalui pemberian bantuan kewangan bulanan oleh Majlis Agama Islam Negeri serta pusat pungutan zakat di peringkat negeri.

4. Bagi strategi jangka masa sederhana dan panjang di bawah KSP RMKe-12, pelbagai strategi, program dan projek serta inisiatif sedang dan akan dilaksanakan sebagai usaha bagi membasmi kemiskinan. Antara program yang dilaksanakan adalah Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang diterajui oleh Kementerian Ekonomi juga merupakan salah satu program pembasmian kemiskinan yang meliputi penyediaan ekosistem yang lengkap dan bantuan secara *in-kind* diberi kepada peserta bagi menyokong dan menggalakkan mereka untuk menjalankan aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan tambahan secara mampan.

5. Pelaksanaan IPR akan turut diperluas ke Mukim Belimbing Kanan dan Mukim Belimbing Kiri, Padang Terap. Bagi tujuan ini, Kementerian Ekonomi dengan kerjasama rakan strategik universiti awam yang telah dilantik sedang melaksanakan proses pemetaan sejumlah 90 KIR miskin tegar. Seterusnya, bantuan berbentuk *in-kind* akan diberi berdasarkan

minat dan kemahiran KIR miskin tegar untuk melaksanakan aktiviti penjanaaan pendapatan.

6. Selain itu, program IPR juga akan dilaksanakan secara berperingkat dan turut akan memanfaatkan kawasan di parlimen Padang Terap pada masa akan datang. Kerajaan mengalu-alukan kerjasama daripada Yang Berhormat untuk turut sama membantu mengenal pasti aktiviti penjanaaan pendapatan melalui pertanian pintar untuk dilaksanakan di kawasan parlimen Padang Terap. Sebagai contoh, sekiranya ada tanah kosong atau terbiar berkeluasan sekurang-kurangnya 5 ekar yang sesuai untuk pertanian moden, Kementerian Ekonomi bersedia untuk mempertimbangkan peruntukan bagi pelaksanaan program Inisiatif Usahawan Tani (IPR - INTAN) di Padang Terap.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk membantu Kerajaan Sabah melengkapkan pelbagai kemudahan Kompleks Sukan Tuaran di Laya-Laya seperti lampu stadium, *Grandstand*, tandas dan sebagainya. Sekiranya ada, berapa bajet yang diperuntukan untuk tujuan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan tidak pernah menerima apa-apa permohonan daripada pihak Kerajaan Sabah berhubung cadangan untuk membantu melengkapkan pelbagai kemudahan di Kompleks Sukan Tuaran di Laya-Laya.

Kementerian ini akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya sekiranya permohonan tersebut menerima sokongan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk disenaraikan kepada Kementerian Ekonomi.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH
[ROMPIN]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah polisi dan undang-undang sedia ada mampu menangani isu projek terbengkalai serta hasil mutu kerja yang tidak mematuhi standard piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian dan bagaimana Kementerian menangani isu projek terbengkalai dan bangunan usang terutamanya di kawasan bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang Di Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) komited memastikan rakyat mempunyai akses kepada kediaman yang berkualiti dan berdaya huni. Dalam masa yang sama, KPKT sentiasa berusaha mencari penyelesaian bagi meringankan beban pembeli yang terkesan dengan projek perumahan swasta yang diisytiharkan terbengkalai.

Secara definisi, projek terbengkalai adalah **projek pemajuan perumahan yang tidak siap dalam atau luar tempoh Perjanjian Jual Beli (PJB) dan tiada sebarang aktiviti yang ketara di tapak pembinaan selama enam (6) bulan secara berterusan; dan disahkan projek terbengkalai oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Seksyen 11 (1) (ca) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]**. Setelah sesuatu projek perumahan swasta disahkan sebagai projek terbengkalai, **KPKT akan membantu memudah cara dan melaksanakan mediasi dengan pihak-pihak berkepentingan dalam usaha mencari jalan penyelesaian dan hala tuju pemulihan projek.**

KPKT telah melaksanakan tindakan proaktif dan bersasar melalui **Task Force Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) yang telah ditubuhkan sejak Disember 2022. Sehingga 30 September 2024, sebanyak 14 projek perumahan swasta terbengkalai melibatkan 1,901 unit rumah dengan nilai pembangunan kasar (Gross Development Value, GDV) sebanyak RM574.79 juta telah berjaya dipulihkan atau dilaksanakan penyelesaian di bawah pemantauan TFST.** Pencapaian ini menunjukkan **keberkesanan dalam pelaksanaan polisi sedia ada bagi melengkapi perundangan serta peraturan berkaitan.** KPKT akan terus mengambil tindakan penambahbaikan supaya dapat mengurangkan projek sakit atau terbengkalai **ke arah mencapai sasaran sifar projek sakit menjelang tahun 2030.**

Di samping TFST, KPKT juga sedang **memperhalusi Akta 118 untuk**

NO SOALAN : 40

memperkukuhkan tindakan dan kawalan yang lebih baik sebagai pencegahan awal serta tindakan jangka panjang bagi mengelakkan projek perumahan swasta menjadi projek sakit dan seterusnya terbengkalai. Antara pindaan yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Menguatkuasakan sekatan perjalanan ke luar negara bagi pemaju atau Ahli Lembaga Pengarah yang disenarai hitam; dan**
- ii. Menyediakan definisi dan peruntukan perundangan khusus bagi pelikuidasi bagi menjelaskan dengan terperinci peranan dan tanggungjawab pelikuidasi yang mengambil alih projek perumahan swasta terbengkalai.**

KPKT cakna dengan isu bangunan tinggal yang ada di antaranya berasal dari projek terbengkalai yang mana boleh memberi impak negatif terhadap sosio-ekonomi pembeli rumah. Di samping itu, isu ini juga berpotensi menjadi ancaman keselamatan dan kesihatan kepada penduduk setempat. Justeru, selaras dengan dasar Kerajaan Malaysia MADANI yang sentiasa mengutamakan kemampanan dan kesejahteraan rakyat, penambahbaikan dalam menangani isu ini akan diambil daripada semasa ke semasa dengan kerjasama semua pihak samada di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri mahu pun di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL
RAHMAN [LABUAN]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan mengapa penubuhan Persatuan Nelayan Negeri (PNN) Wilayah Persekutuan Labuan mengambil masa yang terlalu lama untuk diluluskan sedangkan permohonan penubuhan telah dikemukakan sejak tahun 2021 lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan penubuhan Persatuan Nelayan Negeri melibatkan beberapa prosedur yang perlu dilaksanakan bermula dari peringkat Pegawai Penyelia Negeri Wilayah Persekutuan Labuan dan Jawatankuasa Persediaan yang telah dilantik sebelum semua dokumen yang telah lengkap dan mematuhi peruntukan perundangan dikemukakan kepada Pendaftar Persatuan Nelayan untuk dipertimbang dan diluluskan.

Permohonan penubuhan Persatuan Nelayan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan mula diusulkan semasa Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Labuan Utara Kali Kedua pada 19 Mac 2023 dan penerimaan surat sokongan daripada Pegawai Penyelia Negeri Wilayah Persekutuan Labuan oleh Pendaftar Persatuan Nelayan adalah pada 27 Mei 2024.

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah selesai menyemak semua dokumen bagi proses penubuhan Persatuan Nelayan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan mengikut peruntukan perundangan yang telah diperuntukkan dalam Peraturan–Peraturan Persatuan Nelayan 1972 serta Panduan Pengurusan Penubuhan Persatuan Nelayan dan permohonan penubuhan Persatuan Nelayan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan tersebut telah diluluskan oleh Pendaftar Persatuan Nelayan pada 28 Oktober 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
[KUALA LANGAT]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

**DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [KUALA LANGAT] minta
MENTERI KESIHATAN menyatakan:**

- (a) statistik kes buli yang melibatkan pakar, pegawai perubatan, pegawai perubatan pelatih dan paramedik yang dilaporkan; dan
- (b) adakah kaedah menangani kes buli yang telah dilaksanakan oleh KKM pada masa ini berkesan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan ingin menegaskan bahawa tidak sesekali berkompromi dengan sebarang perlakuan buli. Setiap aduan yang dikemukakan akan diperincikan bagi menentukan kesahihannya sebagai suatu perlakuan buli bagi diambil tindakan pembetulan atau punitif.

2. Selaras dapatan siasatan Pasukan Petugas Khas Bagi Menambahbaik Budaya Kerja di Kementerian Kesihatan (HWCITF) pada tahun 2022, Kementerian Kesihatan telah memperbaiki mekanisme untuk menangani kes buli menerusi pelancaran sistem MyHELP. Sistem ini telah dilancarkan pada 1 Oktober 2022 sebagai saluran aduan utama bagi pegawai melaporkan terus kes buli kepada Unit Integriti, Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan tanpa melalui Ketua Jabatan.

3. Prosedur ini disediakan sedemikian bagi menegakkan prinsip ketelusan, kerahsiaan dan ketegasan dalam usaha Kementerian Kesihatan menangani kes buli. Mana-mana pegawai yang menjadi mangsa buli atau saksi kepada kejadian buli boleh membuat aduan tanpa halangan daripada mana-mana pihak.

4. Setakat 30 September 2024, sebanyak 355 aduan pelbagai telah direkodkan. Selepas tapisan dibuat, pecahan aduan tersebut adalah tersebut:

- (a) empat (4) aduan berkaitan unsur buli yang didapati berasas dan aduan ini telah diambil tindakan mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 atau peraturan lain yang berkuat kuasa;
- (b) enam (6) aduan dalam peringkat siasatan untuk pengesahan dan pembuktian sama ada benar-benar perbuatan buli atau tidak; dan
- (c) baki sebanyak 345 aduan lagi merupakan aduan pelbagai

berkaitan hal-hal perkhidmatan, permohonan kenaikan pangkat, pertukaran, kepincangan pengurusan, isu komunikasi dan lain-lain.

3. Selain itu, isu berbangkit mengenai Pegawai Perubatan Siswazah dan Program Latihan Siswazah Perubatan diuruskan menerusi Jawatankuasa Latihan Pegawai Perubatan Siswazah di peringkat hospital, manakala khidmat sokongan diberikan menerusi *Program House Officer Encouragement and Reassurance Through Sharing and Support* (HEARTS) bagi membantu pegawai mengadaptasi dengan persekitaran kerja di hospital.

4. Bagi petugas kesihatan yang menghadapi isu kesihatan mental termasuk buli, Kementerian Kesihatan menyediakan pelbagai saluran bagi membantu mereka mengatasi isu tersebut, antaranya:

- (a) memberi sokongan emosi dan intervensi awal berkaitan kesihatan mental kepada petugas kesihatan yang memerlukan melalui Talian Krisis Kesihatan Mental atau dikenali sebagai Talian HEAL 15555 yang dikendalikan oleh Pegawai Psikologi, KKM;
- (b) memperluas perkhidmatan kaunseling oleh Pegawai Psikologi terlatih serta Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB);
- (c) menyediakan platform digital, MyMinda menerusi aplikasi MySejahtera bagi memperluaskan perkhidmatan kesihatan mental. Melalui aplikasi ini, semua petugas kesihatan boleh melaksanakan saringan kesihatan mental sendiri di samping mendapatkan informasi dan bahan psiko-pendidikan serta akses kepada talian bantuan sokongan psikososial; dan
- (d) mewujudkan Pasukan *Mental Health and Psychosocial Support (MHPSS)* di peringkat negeri daerah dan hospital yang akan turun ke lapangan bagi mengenal pasti petugas kesihatan yang memerlukan bantuan awal psikologi atau

Psychological First Aid (PFA);

5. Berdasarkan pelaksanaan semasa, Kementerian Kesihatan berpandangan mekanisme yang disediakan bersesuaian dan boleh dimanfaatkan bagi menangani perlakuan buli. Justeru, Kementerian Kesihatan berharap pegawai dapat mengguna pakai sistem MyHELP sekiranya berhadapan dengan isu buli serta melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti sokongan dan intervensi yang disediakan di peringkat fasiliti masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini pembinaan jalan dan flyover dari FT362 ke Jalan Labu iaitu dari segi kos keseluruhan, nama kontraktor utama, bilakah pembinaan bermula dan tarikh siap, berapakah lot yang terlibat dengan pengambilan tanah serta perkembangan terkini proses pengambilan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Menaiktaraf Jalan FT362 Dari Seksyen 0.4 ke Seksyen 3.1, Lingkaran Tengah Seremban Dan Membina Jejambat Merentasi Lebuhraya Utara Selatan telah diluluskan di dalam *Rolling Plan 3 (RP3)* RMKe-12 dengan anggaran kos keseluruhan projek berjumlah RM500.0 juta. Skop yang terlibat bagi projek ini adalah seperti berikut:

1. Menaiktaraf jalan tunggal 2 lorong kepada jalan berkembar 4 lorong 2 hala dengan piawaian JKR R5 sepanjang 3.5 km termasuk membina jambatan dengan piawaian JKR U5;
2. Menaiktaraf persimpangan sedia ada;
3. Pemasangan lampu jalan dan lampu isyarat;
4. Menaiktaraf sistem perparitan;
5. Kerja-kerja geoteknik;
6. Kerja-kerja pavemen;
7. Pemasangan perabot jalan;
8. Pengambilan balik tanah; dan
9. Pengalihan utiliti

Naiktaraf jalan ini akan memberi laluan terus kepada pengguna jalan raya yang hendak ke arah Bandar Seremban dan memberi akses kepada pengguna jalan raya menuju ke arah Kuala Pilah dan sekitarnya. Pembinaan jejambat dengan piawaian U5 juga dijangka dapat mengatasi masalah *vertical clearance* pada Jambatan Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dengan ketinggian 4.8 meter.

Seterusnya, perolehan telah dilaksanakan secara tender terbuka dan kini berada di peringkat akhir untuk mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia. Jangkaan pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) kepada kontraktor yang akan dilantik adalah pada Januari 2025 dengan tempoh pembinaan selama 3 tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini melibatkan pengambilan tanah sebanyak 47 lot persendirian dan 16 lot tanah kerajaan. Status terkini pengambilan tanah adalah seperti berikut:

1. Pelan pengambilan tanah di bawah **Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960** telah dikemukakan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui sistem MyLand kepada JKPTG (Persekutuan) Negeri Sembilan pada 2 Ogos 2024. Pihak PTG Negeri Sembilan sedang memproses pelan tersebut untuk diwartakan di bawah seksyen berkenaan;

2. Draf pelan pengambilan tanah di bawah **Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960** juga telah dikemukakan kepada JKPTG (Persekutuan) Negeri Sembilan dan pihak Juruukur yang dilantik sedang mengemaskini draf tersebut untuk diselaraskan dengan ulasan akhir pihak JKPTG. Pengemukakan pelan pengambilan tanah di bawah Seksyen 8 oleh KKR melalui sistem MyLand kepada JKPTG (Persekutuan) Negeri Sembilan dijangka dapat direalisasikan pada Januari 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI
ABD. MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN]
minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**
menyatakan:

- (a) apakah hala tuju Kementerian bagi meningkatkan pemilikan rumah khususnya bagi generasi muda mengambil kira lonjakan harga hartanah dalam pasaran; dan
- (b) adakah Kementerian juga bercadang untuk mempergiat kempen seperti merencanakan semula kempen pemilikan rumah selain mengurangkan lambakan rumah yang tidak terjual.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, menyantuni prinsip Malaysia MADANI yang sentiasa mengutamakan kesejahteraan rakyat dalam keberhasilan inisiatif Kerajaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa komited **menyediakan program perumahan mampu milik (RMM)** dalam memastikan **setiap rakyat mempunyai tempat tinggal tanpa mengira sama ada secara pemilikan atau sewaan (*shelter for all*)**. Ini juga adalah selaras dengan matlamat Dasar Perumahan Negara (2018-2025).

Bagi meningkatkan **keupayaan golongan belia dalam pemilikan rumah**, Kerajaan telah menyediakan **pelbagai inisiatif** yang turut memastikan mereka **mendapat akses kepada perumahan yang berkualiti dan mampu milik**, iaitu:

- i. menetapkan **siling harga rumah mampu milik (RMM) pada RM300,000** sebagaimana Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM);
- ii. melaksanakan **pemetaan harga RMM** berdasarkan pendapatan median mengikut negeri dan daerah untuk penetapan harga jualan rumah di satu-satu lokaliti;
- iii. menyediakan **Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) di bawah inisiatif i-Biaya** dengan had jaminan pembiayaan sehingga RM500,000 bagi pembelian rumah pertama. Di bawah Belanjawan 2025, Kerajaan akan terus **menjamin pembiayaan perumahan dengan tambahan peruntukan RM10 bilion** bagi manfaat 20,000 pembeli rumah;
- iv. **meneruskan pelaksanaan *Home Ownership Campaign 2.0 (HOC 2.0)*** yang telah bermula pada **1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2025** di mana **pembeli rumah pertama** akan diberikan pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pembiayaan bagi kediaman (baharu daripada pemaju atau pasaran sekunder) **bernilai RM500,000 ke bawah**; dan

- v. menyediakan **insentif kepada pemaju** bagi **menggalakkan pembinaan lebih banyak RMM** (contohnya pembayaran deposit sebanyak RM200,000 sahaja bagi pemaju RMM ke dalam *Housing Development Account* (HDA) berbanding kadar deposit 3%).

KPKT turut giat melaksanakan pemajuan projek RMM antaranya adalah melalui **Program Perumahan Rakyat (PPR)**, yang kini dikenali sebagai **Program Residensi Rakyat (PRR)**, **Program Kediaman SPNB** dan **Rumah Mesra Rakyat (RMR)** oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan **Program Kediaman PR1MA** oleh Perbadanan PR1MA Malaysia. Selain itu, KPKT juga **akan melaksanakan** projek **Perumahan Inklusif MADANI secara rintis di Johor**, di mana melalui projek ini, Kementerian mencadangkan perumahan pelbagai saiz (*multiple gross floor area - GFA*) bagi memastikan kesesuaian dan keperluan isi rumah pelbagai golongan sasaran dapat dipenuhi. Kaedah ini turut dapat mengurangkan risiko lambakan rumah tidak terjual.

Di bawah Belanjawan 2025: **Kerajaan akan memberikan pelepasan cukai individu sehingga RM7,000 ke atas bayaran faedah pinjaman perumahan** seperti berikut:

- i. Pelepasan cukai sehingga RM7,000 diberikan bagi rumah kediaman berharga sehingga 500 ribu ringgit; dan
- ii. Pelepasan cukai sehingga RM5,000 diberikan bagi rumah kediaman berharga melebihi RM500 ribu hingga RM750 ribu.

Pelepasan ini boleh dituntut bagi **tiga tahun taksiran berturut-turut** ke atas perjanjian jual beli yang disempurnakan dalam tempoh **1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027**.

Usaha-usaha yang telah dinyatakan membuktikan keprihatinan Kerajaan MADANI dan kesediaan untuk sentiasa mendahulukan kepentingan rakyat agar setiap mereka mampu memiliki rumah yang berkualiti, selesa dan berdaya huni.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN
[SEMBRONG]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah strategik yang diambil dan cabaran pelaksanaannya dalam menangani isu defisit bakat berkemahiran tinggi khususnya dalam sektor E&E seperti fenomena penghijrahan cendekiawan (brain drain) graduan ke luar negara dan penurunan enrolmen murid aliran STEM berdasarkan kajian yang dilaksanakan Jawatankuasa STI.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu defisit bakat berkemahiran tinggi dan mengatasi cabaran penghijrahan cendekiawan serta penurunan enrolmen dalam aliran STEM, beberapa program strategik telah dilaksanakan:

i. National Structured Internship Programme (MySIP)

MySIP dilaksanakan pada tahun 2012 bertujuan untuk memastikan bahawa graduan mempunyai kemahiran yang sesuai dengan keperluan industri. Melalui program ini, pelatih industri akan menerima elaun bulanan minimum RM500.00 hingga RM600.00, dan majikan yang berdaftar dengan MySIP dapat menikmati potongan cukai dua kali. Sehingga Disember 2023, lebih daripada 120,000 pelajar telah memanfaatkan program ini.

ii. Geran Padanan Latihan Industri untuk Perusahaan Kecil & Sederhana (LiKES)

LiKES diperkenalkan pada 18 Mac 2024 bagi menyokong penempatan latihan industri berstruktur dan mampan dalam Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Di bawah program ini, PKS akan menawarkan elaun minimum RM500.00 hingga RM600.00 sebulan, manakala TalentCorp menampung separuh daripada jumlah tersebut. Sejak pelaksanaannya, lebih 700 PKS telah terlibat dengan program ini dan menyediakan lebih 5,000 peluang latihan industri kepada bakat muda tempatan.

iii. Kolaborasi Industri-Akademia (IAC)

IAC telah dibangunkan sejak tahun 2022 untuk mengukuhkan ekosistem penawaran dan permintaan bakat di negara ini. Bengkel IAC melibatkan kerjasama aktif antara institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) dengan industri. Pada tahun 2023, lebih 300 wakil dari industri dan akademia telah menyertai pelbagai bengkel, dan laporan mengenai bengkel ini telah diterbitkan untuk rujukan pemegang taruh.

iv. Kajian Impak Kecerdasan Buatan (AI), Pendigitalan, dan Ekonomi Hijau

TalentCorp sedang menjalankan kajian untuk menilai impak AI, digitalisasi, dan ekonomi hijau terhadap pekerjaan dan landskap pekerjaan di Malaysia. Kajian ini merangkumi semua sektor ekonomi, dan fasa pertama telah dimulakan pada April 2024, meliputi sepuluh sektor utama. Tujuannya adalah untuk memahami perubahan dalam pekerjaan, mengenalpasti kemahiran yang diperlukan, serta membangunkan strategi tindakan yang sesuai.

Keseluruhan inisiatif ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam memastikan Malaysia terus bersaing di peringkat global, serta mengatasi cabaran penghijrahan cendekiawan dan penurunan minat dalam aliran STEM. Dengan strategi yang berkesan dan kolaborasi yang erat antara industri dan akademik, Malaysia bertekad untuk terus maju dalam menyediakan bakat berkemahiran tinggi yang diperlukan oleh sektor kritikal negara.

Sekian, terima kasih.

.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini pembinaan Jambatan Muhibah kedua di Rantau Panjang dan serta pembukaan semula jalan kereta api Rantau Panjang ke Golok, Thailand untuk menjana ekonomi di kawasan sempadan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Menaik Taraf Jambatan Menghubungkan Rantau Panjang, Kelantan, Malaysia Dan Su-ngai Kolok, Narathiwat, Thailand telah pun diluluskan pada Rolling Plan 1, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Status terkini projek adalah di peringkat akhir penyelarasan dan perbincangan teknikal bersama antara Malaysia dan Thailand bagi memuktamadkan rekabentuk dan kaedah perolehan.

Construction Agreement di antara kerajaan Malaysia dan kerajaan Thailand dijangka akan ditandatangani setelah isu-isu yang dibangkitkan oleh Thailand dan Malaysia diselesaikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [LARUT]

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [LARUT] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan mengapa pengukuhan nilai Ringgit tidak menurunkan Indeks Harga Pengguna (CPI) di mana laporan DOSM memperlihatkan harga makanan terutamanya kekal tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Indeks Harga Pengguna (IHP) mengukur perubahan harga bakul barangan dan perkhidmatan yang dibeli oleh pengguna dalam negara. Bakul ini mengandungi sebanyak 573 item barangan dan perkhidmatan yang dipilih serta dikelaskan mengikut 13 kumpulan utama dengan wajaran tertentu, berdasarkan perbelanjaan bagi setiap kumpulan tersebut. Kadar inflasi Malaysia menyederhana serta kekal berada di bawah 2% sejak Julai 2023. Pada bulan Oktober 2024, kadar inflasi terus menyederhana dan merekodkan 1.9%.

2. Kumpulan Makanan & Minuman yang menyumbang 29.8% daripada keseluruhan wajaran IHP meningkat kepada 2.3% pada Oktober 2024 berbanding September 2024 (1.6%). Daripada 247 item Makanan, sebanyak 145 item (58.7%) telah merekodkan kenaikan harga. Peningkatan ini disumbangkan oleh subkumpulan utama Makanan di luar rumah yang meningkat kepada 4.1% berbanding September 2024 (2.8%).

Ahli-ahli Yang Berhormat,

3. Pengukuhan nilai Ringgit merujuk kepada peningkatan kekuatan mata wang Malaysia (Ringgit) berbanding mata wang lain, terutamanya dolar Amerika Syarikat (USD). Pengukuhan nilai Ringgit didorong oleh permintaan Ringgit yang lebih tinggi disebabkan prestasi perdagangan dan pelaburan yang positif serta keyakinan terhadap kestabilan ekonomi Malaysia. Pengukuhan ini bukan sahaja membantu meningkatkan daya saing ekonomi negara pada peringkat global, malah turut memberi manfaat kepada pengguna melalui kos barang import yang lebih rendah yang seterusnya meningkatkan kuasa beli terhadap barangan import, termasuk bahan mentah.

4. Namun demikian, pengukuhan nilai Ringgit tidak semestinya menurunkan kadar IHP atau harga makanan. Faktor utama yang mendorong kepada peningkatan harga makanan adalah kos pengeluaran

dalam negara, kesan tertangguh serta peningkatan permintaan dan ketidakstabilan harga komoditi global. Kos pengeluaran dalam negara seperti kos buruh, utiliti dan logistik yang masih tinggi walaupun kos import telah berkurangan mengakibatkan harga makanan kekal tinggi.

5. Selain itu, kesan tertangguh atau dengan izin, *lag effect* akan menyebabkan pengukuhan Ringgit tidak memberi kesan serta-merta kepada harga barangan pengguna kerana peniaga dan pengeluar memerlukan masa untuk menyesuaikan harga. Peniaga juga mungkin telah membeli stok barangan pada kadar tukaran yang lebih rendah sebelum Ringgit mengukuh, menyebabkan harga tidak berubah dalam tempoh terdekat.

6. Peningkatan permintaan dan ketidakstabilan harga komoditi global turut memberi kesan terhadap kenaikan harga barang, khususnya makanan. Bahan makanan seperti bijirin dan beras masih dipengaruhi oleh harga pasaran global. Walaupun nilai Ringgit mengukuh, ketidaktentuan harga komoditi di pasaran global telah mengakibatkan harga makanan di Malaysia kekal pada paras sedia ada. Situasi ini memperlihatkan bahawa pengukuhan Ringgit bukanlah merupakan faktor utama kepada penurunan harga makanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LEE CHUAN HOW
[IPOH TIMOR]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMOR] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan :

- (a) usaha dan perancangan untuk memperkasakan sukan dalam kalangan warga OKU, kanak-kanak pendidikan khas dan kurang upaya intelektual; dan
- (b) apakah usaha yang dilakukan untuk menambahkan bilangan bakat untuk sukan para.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melaksanakan tiga program utama dalam pembangunan sukan orang kurang upaya, kanak-kanak pendidikan khas dan kurang upaya intelektual di negara ini iaitu melalui program Inspire i-Talent, Inspire i-Train dan Synergy Inspire.

KBS dengan kerjasama persatuan-persatuan sukan para di setiap negeri akan mengenalpasti bakat baharu melalui program **Inspire i-Talent** yang saringan ujian keupayaan dan kecergasan. Setelah melalui saringan berkenaan, peserta yang berjaya akan menjalani latihan khusus dalam program **Inspire i-Train**.

Melalui program ini, peserta akan dilatih dalam sukan spesifik di bawah pengendalian jurulatih bertauliah yang dilantik oleh Majlis Sukan Negara. Peserta yang terlibat dalam i-Train kemudiannya akan menerima pelbagai pendedahan pertandingan melalui **Synergy Inspire**.

Pada tahun 2024, Kementerian memperuntukkan sebanyak RM479,500 bagi mencungkil seramai 1,430 bakat baharu melibatkan 10 sukan teras para iaitu Tenpin Bowling, Bowling Padang, Badminton, Ping Pong, Memanah, Olahraga, Renang, Catur, Angkat Berat dan Boccia.

NO SOALAN : 48

Beberapa orang atlet yang mewakili negara di temasya Sukan Paralimpik seperti Mohd Shamil bin Md Saad dalam sukan powerlifting, Mohd Yussazwan bin Yusoff dalam sukan tenis, Muhammad Ammar Aiman bin Nor Azmi, Nazmi bin Nasri, Muhammad Faiz Haizat bin Rosdi dan Mohammad Norfitri bin Abdullah dalam sukan para olahraga, Muhammad Fareez bin Anuar dan Muhammad Ikhwan bin Ramli dalam sukan badminton merupakan antara atlet yang dilahirkan melalui program Inspire i-Talent, Inspire i-Train dan Synergy Inspire.

Bagi menambahkan bilangan bakat untuk sukan para, Kementerian telah melaksanakan program-program seperti:

- (a) Karnival Bakat Sukan yang bertujuan untuk mencungkil bakat muda dari peringkat awal. Program ini melibatkan jurulatih profesional di seluruh negara dengan fokus kepada 7 jenis sukan iaitu boccia, para badminton, para renang, para ping pong, para powerlifting, para olahraga, dan para memanah bagi mencungkil bakat muda dari peringkat awal. Pada tahun ini, sebanyak 2 karnival telah diadakan di Sabah dan Sarawak.
- (b) Kem Bakat bagi meningkatkan prestasi atlet yang telah dikenal pasti. Atlet yang berpotensi akan dipanggil untuk menyertai kem intensif yang dikendalikan oleh jurulatih kebangsaan. Kem ini fokus pada peningkatan kemahiran, teknik, strategi serta kekuatan fizikal dan mental. Pada tahun ini, Kem Bakat Para Menembak Siri 1/2024 telah diadakan pada 7 dan 8 September 2024 dengan penyertaan seramai 61 peserta (kecacatan fizikal)

NO SOALAN : 48

majoritinya daripada Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) dan akan menyusul adalah Kem Bakat Para Renang yang akan dijalankan serentak di 11 buah negeri pada November 2024.

- (c) Pertandingan Sukan Peringkat Kebangsaan yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada atlet-atlet pelapis negeri dan bakat-bakat baharu bertanding sebagai persediaan menghadapi kejohanan atau temasya dalam dan luar negara. Ia juga merupakan platform untuk melaksanakan proses klasifikasi bagi menentukan jenis kecacatan dan kategori yang boleh disertai.

Bagi memastikan program pencarian bakat-bakat baharu dilaksanakan secara berkala dan berterusan, KBS memperkukuh jalinan kerjasama dengan Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pusat Rehabilitasi PERKESO, Persatuan Sukan dan universiti tempatan. Sehingga kini, di bawah Program Pelapis Negeri, seramai 805 atlet menjalani latihan secara sambilan di 95 buah pusat latihan seluruh negara di bawah kendalian 103 jurulatih separuh masa (JSM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN
[PADANG RENGAS]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan Kementerian bagi menaik taraf infrastruktur utama untuk menangani kesesakan lalu lintas di sepanjang Jalan Lapangan Terbang Subang termasuk proses tender dan unjuran tarikh siap projek sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah Projek Menaik Taraf Jalan Subang-Sungai Buloh (FT15), Petaling, Selangor.

Projek ini telah diluluskan oleh Agensi Pusat di dalam Rolling Plan 4, RMKe-12 yang melibatkan kerja menaiktaraf jalan sedia ada berkembar 4 lorong (K2-2) kepada jalan berkembar 6 lorong (K3-3) dengan piawaian U5 sepanjang 1km. Jajaran projek ini adalah pada Jalan Subang-Sungai Buloh (FT15) berdekatan dengan susur keluar dan masuk ke Plaza Tol Subang.

Pihak Kementerian akan melaksanakan Makmal Pengurusan Nilai (*Value Management, VM*) bagi setiap projek yang bernilai lebih dari RM50 juta dan ke atas, sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Ekonomi. Ini adalah bertujuan untuk meneliti dan memuktamadkan skop dan kos bagi memastikan setiap pelaburan akan menghasilkan pulangan yang terbaik berdasarkan prinsip *value for money*. Oleh yang demikian, setiap skop dan kos bagi sesuatu projek akan diteliti dan dinilai melalui Pengurusan Nilai ini dan ianya akan dihadiri oleh setiap pemegang taruh (*stakeholders*) seperti Pihak Berkuasa Tempatan, pihak agensi/syarikat utiliti dan juga entiti-entiti lain yang terlibat di dalam sesuatu projek.

Dengan menggunakan kaedah Pengurusan Nilai ini, pihak Kementerian yakin infrastruktur yang berkualiti dapat dihasilkan. Makmal Pengurusan Nilai bagi projek ini telah dilaksanakan pada 25 hingga 27 Jun 2024 yang lalu. Proses perolehan dijangka selesai pada pertengahan tahun 2025 dan dijangka siap pembinaan pada penghujung tahun 2027.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini telah mendapat kelulusan bagi projek Menaiktaraf Jalan Subang – Sungai Buloh (FT15), Lapangan Terbang Subang, Daerah Petaling, Selangor (Kerja Awalan, Rekabentuk & Pengambilan Tanah) pada *Rolling Plan 5 (RP 5)*,

Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Jajaran projek ini adalah pada Jalan Subang-Sungai Buloh (FT15) bermula dari Seksyen 6 - 8.8 (FT15a) di Bulatan Lapangan Terbang Subang sehingga Seksyen 0 - 1.7 (FT15b) berdekatan persimpangan Bandar Pinggiran Subang sepanjang 4KM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini akan menyediakan jalan 6 Lorong 2 Hala (K3-3) konsisten sepanjang jajaran yang akan mengurangkan kesesakan jalan raya yang berlaku pada waktu puncak. Ini akan menambah baik rangkaian jalan raya bagi menampung jumlah kapasiti kenderaan jalan sedia ada dan akan dapat mengurangkan kesesakan jalan raya yang berlaku pada waktu puncak daripada LOS F kepada LOS C di Jalan Subang-Sungai Buloh (FT15).

Sekian, terima kasih.